JUZU' KE-22
SURAH
YAASIN

SURAH KE

36

سُورَةُ يسٓ

SURAH YAASIN

Surah YaaSin

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

83

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 29)

يسٓ ﴿١﴾
وَٱلْقُرْءَانِ ٱلْحَكِيمِ ﴿٢﴾
إِنَّكَ لَمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٣﴾
عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٤﴾
تَنزِيلَ ٱلْعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٥﴾
لِتُنذِرَ قَوْمًا مَّآ أُنذِرَ ءَابَآؤُهُمْ فَهُمْ غَٰفِلُونَ ﴿٦﴾
لَقَدْ حَقَّ ٱلْقَوْلُ عَلَىٰٓ أَكْثَرِهِمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٧﴾
إِنَّا جَعَلْنَا فِىٓ أَعْنَٰقِهِمْ أَغْلَٰلًا فَهِىَ إِلَى ٱلْأَذْقَانِ فَهُم
مُّقْمَحُونَ ﴿٨﴾
وَجَعَلْنَا مِنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا
فَأَغْشَيْنَٰهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ﴿٩﴾
وَسَوَآءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا
يُؤْمِنُونَ ﴿١٠﴾
إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ ٱتَّبَعَ ٱلذِّكْرَ وَخَشِىَ ٱلرَّحْمَٰنَ
بِٱلْغَيْبِ ۖ فَبَشِّرْهُ بِمَغْفِرَةٍ وَأَجْرٍ كَرِيمٍ ﴿١١﴾
إِنَّا نَحْنُ نُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا۟ وَءَاثَٰرَهُمْ ۚ
وَكُلَّ شَىْءٍ أَحْصَيْنَٰهُ فِىٓ إِمَامٍ مُّبِينٍ ﴿١٢﴾

وَٱضْرِبْ لَهُم مَّثَلًا أَصْحَٰبَ ٱلْقَرْيَةِ إِذْ جَآءَهَا
ٱلْمُرْسَلُونَ ﴿١٣﴾
إِذْ أَرْسَلْنَآ إِلَيْهِمُ ٱثْنَيْنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزْنَا بِثَالِثٍ
فَقَالُوٓا۟ إِنَّآ إِلَيْكُم مُّرْسَلُونَ ﴿١٤﴾
قَالُوا۟ مَآ أَنتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا وَمَآ أَنزَلَ ٱلرَّحْمَٰنُ
مِن شَىْءٍ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا تَكْذِبُونَ ﴿١٥﴾
قَالُوا۟ رَبُّنَا يَعْلَمُ إِنَّآ إِلَيْكُمْ لَمُرْسَلُونَ ﴿١٦﴾
وَمَا عَلَيْنَآ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٧﴾
قَالُوٓا۟ إِنَّا تَطَيَّرْنَا بِكُمْ ۖ لَئِن لَّمْ تَنتَهُوا۟ لَنَرْجُمَنَّكُمْ
وَلَيَمَسَّنَّكُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٨﴾
قَالُوا۟ طَٰٓئِرُكُم مَّعَكُمْ ۚ أَئِن ذُكِّرْتُم ۚ بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ
مُّسْرِفُونَ ﴿١٩﴾
وَجَآءَ مِنْ أَقْصَا ٱلْمَدِينَةِ رَجُلٌ يَسْعَىٰ قَالَ يَٰقَوْمِ
ٱتَّبِعُوا۟ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٢٠﴾
ٱتَّبِعُوا۟ مَن لَّا يَسْـَٔلُكُمْ أَجْرًا وَهُم مُّهْتَدُونَ ﴿٢١﴾
وَمَا لِىَ لَآ أَعْبُدُ ٱلَّذِى فَطَرَنِى وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٢﴾
ءَأَتَّخِذُ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً إِن يُرِدْنِ ٱلرَّحْمَٰنُ بِضُرٍّ
لَّا تُغْنِ عَنِّى شَفَٰعَتُهُمْ شَيْـًٔا وَلَا يُنقِذُونِ ﴿٢٣﴾
إِنِّىٓ إِذًا لَّفِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾

إِنِّيٓ ءَامَنتُ بِرَبِّكُمۡ فَٱسۡمَعُونِ ٢٥

قِيلَ ٱدۡخُلِ ٱلۡجَنَّةَۖ قَالَ يَٰلَيۡتَ قَوۡمِي يَعۡلَمُونَ ٢٦

بِمَا غَفَرَ لِي رَبِّي وَجَعَلَنِي مِنَ ٱلۡمُكۡرَمِينَ ٢٧

وَمَآ أَنزَلۡنَا عَلَىٰ قَوۡمِهِۦ مِنۢ بَعۡدِهِۦ مِن جُندٖ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ

وَمَا كُنَّا مُنزِلِينَ ٢٨

إِن كَانَتۡ إِلَّا صَيۡحَةٗ وَٰحِدَةٗ فَإِذَا هُمۡ خَٰمِدُونَ ٢٩

"Yaa, Siin (1). Demi Al-Qur'an yang amat bijaksana (2). Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah dari golongan para rasul (3). Yang mengikut jalan yang lurus (4). Al-Qur'an itu diturun oleh Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih (5). Supaya engkau memberi peringatan kepada satu kaum yang datuk nenek mereka tidak pernah diberikan peringatan, kerana itulah mereka lalai (6). Sesungguhnya telah ditetapkan keputusan 'azab di atas kebanyakan mereka (kaum Musyrikin) kerana itu mereka tidak beriman (7). Sesungguhnya Kami telah memasang belenggu-belenggu di leher mereka dan belenggu-belenggu itu menongkat dagu mereka kerana itu mereka terdongak (8). Dan Kami telah memasang sebuah dinding di hadapan mereka dan sebuah dinding lagi di belakang mereka dan Kami tutupkan mata mereka, maka kerana itu mereka tidak dapat melihat (9). Sama sahaja bagi mereka, sama ada engkau memberi peringatan kepada mereka atau tidak memberi peringatan, mereka tetap tidak beriman (10). Engkau hanya dapat memberi peringatan kepada orang yang mengikut Al-Qur'an dan takut kepada Allah Yang Maha Penyayang tanpa melihat-Nya, oleh itu sampaikanlah kepadanya berita gembira iaitu keampunan dan pahala yang mulia (11). Sesungguhnya Kami akan menghidupkan sekalian yang mati dan Kami mencatatkan segala perbuatan yang dilakukan mereka dan segala kesan perbuatan mereka. Dan segala sesuatu mengenainya Kami hitungkannya satu persatu dalam sebuah buku yang amat jelas (12). Kemukakanlah kepada mereka satu cerita teladan tentang penduduk sebuah negeri ketika mereka didatangi para rasul (13). (Iaitu) ketika Kami utuskan kepada mereka dua orang rasul lalu mereka dustakan keduanya, maka Kami bantukan pula dengan rasul yang ketiga lalu Rasul-rasul itu pun berkata: Sesungguhnya kami sekalian adalah utusan-utusan Allah yang dikirimkan kepada kamu (14). Jawab mereka: Kamu sekalian tidak lain melainkan hanya manusia biasa seperti Kami sahaja. Tuhan Yang Maha Penyayang tidak pernah menurunkan sesuatu apa pun. Kamu tidak lain melainkan hanya berdusta sahaja (15). Jawab (para rasul): Tuhan kamilah sahaja yang mengetahui bahawa kami adalah utusan-utusan-Nya yang dikirimkan kepada kamu (16). Dan tiada lain tugas Kami melainkan hanya menyampaikan perintah Allah dengan jelas (17). Kata mereka: Kami telah mendapat sial celaka dengan sebab kamu. Jika kamu tidak berhenti (berda'wah) kami akan rejamkan kamu dan kamu akan merasa penyeksaan kami yang amat pedih (18). Jawab para rasul: Sebab kesialan kamu itu ada bersama kamu. Apakah patut apabila kamu diberi peringatan (kamu mengancam kami dengan rejam)? Malah sebenarnya kamu adalah satu kaum yang pelampau (19). Dan datanglah seorang lelaki dari daerah pedalaman negeri itu lalu dia berseru: Wahai kaumku! Ikutilah para rasul (20). Ikutilah mereka yang tidak meminta dari kamu sebarang upah dan mereka pula adalah orang-orang yang mendapat hidayat (21). Mengapa pula aku tidak patut menyembah Tuhan yang telah menciptakanku dan kepada-Nya sekalian kamu akan dikembalikan (22). Apakah wajar bagiku menyembah tuhan-tuhan yang lain, sedangkan jika Tuhan Yang Maha Penyayang itu mahu menimpakan sesuatu bala bencana ke atasku, nescaya mereka tidak dapat menolongku sedikit pun dan tidak pula dapat menyelamatkanku? (23) Sesungguhnya aku - jika aku berbuat demikian - berada di dalam kesesatan yang amat jelas (24). Sesungguhnya aku telah beriman kepada Tuhan kamu. Oleh itu dengarlah nasihatku (25). (Setelah dia dibunuh) dia dipersilakan malaikat: Masuklah ke dalam Syurga. Lalu dia berkata: Alangkah baiknya jika kaumku mengetahui (26). Limpah keampunan yang dikurniakan Tuhanku kepadaku dan menjadikanku dalam golongan para hamba yang dimuliakan-Nya (27). (Dan sesudah itu) Kami tidak menurunkan sebarang pasukan tentera dari langit untuk membinasakan kaumnya dan Kami tidak pula perlu menurunkan pasukan itu (28). Tiada (suatu yang diperlukan) melainkan hanya satu pekikan sahaja, maka seluruh mereka mati sunyi sepi.(29)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah Makkiyah ini mempunyai ayat-ayat yang pendek dan nada-nada yang cepat, kerana itulah bilangannya mencapai lapan puluh tiga ayat, sedangkan ianya lebih kecil dan lebih pendek dari surah sebelumnya iaitu Surah Faatir yang bilangan ayat-ayatnya cuma empat puluh lima ayat sahaja.

Kependekan ayat-ayat ini dan kecepatan nadanya menjadikan surah ini mempunyai satu ciri yang istimewa. Nadanya bertubi-tubi mengetuk hati dengan ketukan yang berturut-turut. Dan kesannya semakin bertambah lagi dengan adanya gambaran-gambaran dan bayangan-bayangan yang menarik yang terdapat di dalam pemandangan-pemandangannya yang bersilih ganti dari permulaan surah hingga ke akhirnya. Pemandangan-pemandangan itu beraneka ragam dan semuanya meninggalkan kesan-kesan yang amat mendalam.

Maudhu'-maudhu' pokok surah ini ialah maudhu'-maudhu' pokok surah Makkiyah, dan matlamat pertamanya ialah membina asas-asas 'aqidah. Ia menyentuh persoalan wahyu dan kebenaran kerasulan dari pembukaan surah lagi:

يسٓ ١

وَٱلۡقُرۡءَانِ ٱلۡحَكِيمِ ٢

إِنَّكَ لَمِنَ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ٣

عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٤

تَنزِيلَ ٱلۡعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ ٥

"Yaa, Siin (1). Demi Al-Qur'an yang amat bijaksana (2). Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah dari golongan para rasul (3). Yang mengikut jalan yang lurus (4). Al-Qur'an itu diturun oleh Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(5)

Kemudian ia membawa kisah penduduk sebuah negeri ketika beberapa orang rasul datang kepada mereka untuk memberi amaran dengan akibat yang buruk apabila mereka mendustakan wahyu dan Rasul. Ia menyebut akibat itu dalam kisah tersebut mengikut cara Al-Qur'an yang menggunakan kisah-kisah untuk menguatkan persoalan-persoalan yang dikemukakannya. Dan sebelum surah ini berakhir ia kembali menyentuh persoalan wahyu itu sekali lagi:

وَمَا عَلَّمْنَٰهُ ٱلشِّعْرَ وَمَا يَنۢبَغِى لَهُۥٓ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْءَانٌ مُّبِينٌ ﴿٦٩﴾

لِّيُنذِرَ مَن كَانَ حَيًّا وَيَحِقَّ ٱلْقَوْلُ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧٠﴾

"Dan Kami tidak pernah mengajarkan syair kepadanya dan memang syair itu tidak sesuai dengannya. Apa yang diwahyukan kepadanya tidak lain melainkan suatu peringatan dan kitab suci yang amat jelas (69). Supaya dia memberi peringatan kepada orang yang hidup hati nuraninya dan supaya terlaksana keputusan ('azab) ke atas orang-orang kafir."(70)

Begitu juga surah ini menyentuh persoalan ketuhanan dan konsep wahdaniyah. Ia mengancam perbuatan syirik dengan perantaraan lidah seseorang Mu'min yang datang dari daerah pedalaman negeri itu untuk berhujjah dengan kaumnya mengenai rasul-rasul yang diutuskan Allah itu:

وَمَا لِىَ لَآ أَعْبُدُ ٱلَّذِى فَطَرَنِى وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٢﴾

ءَأَتَّخِذُ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً إِن يُرِدْنِ ٱلرَّحْمَٰنُ بِضُرٍّ لَّا تُغْنِ عَنِّى شَفَٰعَتُهُمْ شَيْـًٔا وَلَا يُنقِذُونِ ﴿٢٣﴾

إِنِّىٓ إِذًا لَّفِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾

"Mengapa pula aku tidak patut menyembah Tuhan yang telah menciptakanku dan kepada-Nya sekalian kamu akan dikembalikan (22). Apakah wajar bagiku menyembah tuhan-tuhan yang lain, sedangkan jika Tuhan Yang Maha Penyayang itu mahu menimpakan sesuatu bala bencana ke atasku, nescaya mereka tidak dapat menolongku sedikit pun dan tidak pula dapat menyelamatkanku? (23) Sesungguhnya aku - jika aku berbuat demikian - berada di dalam kesesatan yang amat jelas."(24)

Dan sebelum tamatnya surah ini disebutkan pula maudhu' ini sekali lagi:

وَٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ ءَالِهَةً لَّعَلَّهُمْ يُنصَرُونَ ﴿٧٤﴾

لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَهُمْ وَهُمْ لَهُمْ جُندٌ مُّحْضَرُونَ ﴿٧٥﴾

"Dan mereka menyembah tuhan-tuhan selain dari Allah dengan harapan mereka diberi pertolongan (74). (Tetapi) tuhan-tuhan itu tidak berkuasa menolong mereka, sedangkan merekalah tentera-tentera yang disediakan untuk mempertahankan tuhan-tuhan itu."(75)

Persoalan yang lebih banyak ditekankan dalam surah ini ialah persoalan kebangkitan semula selepas mati. Ia dibicarakan berulang-ulang kali di dalam surah ini. Pada permulaannya ia disebutkan:

إِنَّا نَحْنُ نُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا۟ وَءَاثَٰرَهُمْ ۚ

وَكُلَّ شَىْءٍ أَحْصَيْنَٰهُ فِىٓ إِمَامٍ مُّبِينٍ ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya Kami akan menghidupkan sekalian yang mati dan Kami mencatatkan segala perbuatan yang dilakukan mereka dan segala kesan perbuatan mereka. Dan segala sesuatu mengenainya Kami hitungkannya satu persatu dalam sebuah buku yang amat jelas."(12)

Kemudian persoalan ini disebut pula dalam kisah lelaki Mu'min yang mati dibunuh dan menerima balasannya yang segera:

قِيلَ ٱدْخُلِ ٱلْجَنَّةَ ۖ قَالَ يَٰلَيْتَ قَوْمِى يَعْلَمُونَ ﴿٢٦﴾

بِمَا غَفَرَ لِى رَبِّى وَجَعَلَنِى مِنَ ٱلْمُكْرَمِينَ ﴿٢٧﴾

"(Setelah dia dibunuh) dia dipersilakan malaikat: Masuklah ke dalam Syurga. Lalu dia berkata: Alangkah baiknya jika kaumku mengetahui (26). Limpah keampunan yang dikurniakan Tuhanku kepadaku dan menjadikanku dalam golongan para hamba yang dimuliakan-Nya."(27)

Dan disebutkan pula di tengah surah:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٨﴾

مَا يَنظُرُونَ إِلَّا صَيْحَةً وَٰحِدَةً تَأْخُذُهُمْ وَهُمْ يَخِصِّمُونَ ﴿٤٩﴾

فَلَا يَسْتَطِيعُونَ تَوْصِيَةً وَلَآ إِلَىٰٓ أَهْلِهِمْ يَرْجِعُونَ ﴿٥٠﴾

"Dan mereka bertanya: Bilakah Qiamat yang dijanjikan ini jika kamu bercakap benar? (48) Sebenarnya mereka hanya menunggu satu pekikan sahaja yang akan membinasakan mereka, sedangkan mereka ketika itu sedang leka bertengkar (49). Kerana itu mereka tidak sempat meninggalkan pesanan dan tidak sempat kembali mendapatkan keluarga mereka."(50)

Kemudian ia berpindah kepada satu pemandangan Qiamat yang lengkap, dan pada akhir surah persoalan ini disebutkan pula dalam bentuk sebuah dialog:

وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِىَ خَلْقَهُۥ ۖ قَالَ مَن يُحْىِ ٱلْعِظَٰمَ وَهِىَ رَمِيمٌ ﴿٧٨﴾

قُلْ يُحْيِيهَا ٱلَّذِىٓ أَنشَأَهَآ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ ﴿٧٩﴾

"Dan dia telah membuat satu perbandingan, sedangkan dia sendiri lupakan asal kejadiannya. Dia berkata: Siapakah yang berkuasa menghidupkan tulang-temalang yang telah reput dan hancur itu? (78) Katakanlah: Yang berkuasa menghidupkannya ialah Tuhan yang telah berkuasa menciptakannya pada kali yang pertama dan Dialah Tuhan Yang Maha Mengetahui segala makhluk ciptaan-Nya."(79)

Persoalan yang berkaitan dengan pembinaan asas-asas 'aqidah itu dibicarakan berulang-ulang kali di dalam Surah-surah Makkiyah, tetapi persoalan itu disentuh pada setiap kalinya dari jurusan yang tertentu dan di bawah sorotan yang tertentu diiringi dengan pandangan-pandangan yang berkesan yang sesuai dengan suasananya dan selaras dengan nada-nadanya, gambaran-gambarannya dan bayangan-bayangannya.

Pernyataan-pernyataan yang berkesan itu adalah diambil terutamanya dari pemandangan-pemandangan Qiamat, pemandangan-pemandangan cerita dan dialog-dialognya, pemandangan kebinasaan umat-umat dahulu kala, pemandangan-pemandangan alam buana yang menarik iaitu seperti pemandangan bumi yang mati kemudian hidup subur dengan tumbuh-tumbuhan, pemandangan malam yang menghapuskan hari siang dan menjadikannya gelap-gelita, pemandangan matahari yang berlari di tempat peredarannya, pemandangan bulan yang berunsur-unsur mengembang di tempat-tempat peredarannya hingga akhirnya ia kembali kecil semula seperti tandan tamar tua yang kering, pemandangan bahtera yang penuh sarat mengangkut zuriat manusia angkatan pertama, pemandangan binatang-binatang ternakan yang ditundukkan kepada manusia, pemandangan nutfah kemudian pemandangannya yang berkembang menjadi seorang manusia yang bermusuh ketat dengan Allah dan pemandangan pokok yang hijau yang mengandungi api yang mereka nyalakannya.

Di samping pemandangan-pemandangan ini di sana terdapat pernyataan-pernyataan yang berkesan yang menyentuh dan menyedarkan hati manusia. Di antaranya ialah pernyataan papa pendusta yang telah ditetapkan keputusan 'azab ke atas mereka dengan sebab kekufuran mereka. Orang-orang ini tidak lagi berguna ditunjukkan bukti-bukti dan diberi amaran-amaran kepada mereka:

إِنَّا جَعَلْنَا فِىٓ أَعْنَـٰقِهِمْ أَغْلَـٰلًا فَهِىَ إِلَى ٱلْأَذْقَانِ فَهُم مُّقْمَحُونَ ﴿٨﴾

وَجَعَلْنَا مِنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا فَأَغْشَيْنَـٰهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ﴿٩﴾

"Sesungguhnya Kami telah memasang belenggu-belenggu di leher mereka dan belenggu-belenggu itu menongkat dagu mereka kerana itu mereka terdongak (8). Dan Kami telah memasang sebuah dinding, di hadapan mereka dan sebuah dinding lagi di belakang mereka dan Kami tutupkan mata mereka, maka kerana itu mereka tidak dapat melihat."(9)

Di antaranya pula ialah gambaran jiwa mereka yang terdedah kepada ilmu Allah tanpa dilindungi sebarang tadbir, dan di antaranya lagi ialah gambaran sarana penciptaan, iaitu dengan hanya menyebut satu perkataan sahaja tidak lebih dari itu:

إِنَّمَآ أَمْرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيْـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

"Sesungguhnya cara penciptaan Allah itu ialah apabila Dia mahu, menjadikan sesuatu Dia hanya berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia terus jadi."(82)

Semuanya merupakan pernyataan-pernyataan yang berkesan yang menyentuh hati manusia, di mana ia melihat bukti kebenarannya di dalam realiti alam buana.

* * * * * *

Surah ini membentangkan maudhu'-maudhu'nya dalam tiga pusingan.

Pusingan pertama dimulai dengan sumpah, iaitu bersumpah dengan dua huruf "Yaa Siin" dan bersumpah dengan Al-Qur'anul-Hakim bahawa Nabi Muhammad s.a.w. itu adalah seorang rasul yang berada di atas jalan yang lurus, kemudian diiringi pula dengan pendedahan tentang nasib kesudahan yang malang yang telah menimpa orang-orang yang lalai dan mendustakan Rasul iaitu mereka telah dihukum oleh Allah tidak akan mendapat jalan hidayat lagi buat selama-lamanya, kemudian diterangkan pula bahawa amaran dan peringatan itu hanya berguna kepada mereka yang mengikut Al-Qur'an dan takut kepada Allah, kerana hatinya sentiasa bersedia untuk menerima panduan-panduan hidayat dan dorongan-dorongan iman. Kemudian ia menyuruh Rasulullah s.a.w. supaya menceritakan satu kisah teladan yang berlaku kepada penduduk sebuah negeri, iaitu kisah mereka yang mendustakan Rasul dan akibat yang telah menimpa mereka, begitu juga ia menayangkan tabi'at iman di dalam hati seseorang Mu'min dan akibat keimanan dan kepercayaan yang teguh.

Kerana itu pusingan yang kedua dimulakan dengan seruan menyatakan rasa sedih terhadap orang-orang yang sentiasa mendusta dan mempersenda-sendakan setiap rasul tanpa mengambil pengajaran dari kebinasaan yang telah menimpa para pendusta dan tanpa menyedari dan menginsafi bukti-bukti kekuasaan Allah di alam buana yang begitu banyak ini. Di sini ia menayangkan beberapa pemandangan

alam buana yang telah disebut dalam pendahuluan surah ketika memperkenalkan surah ini di samping menayangkan satu pemandangan Qiamat yang agak panjang dan terperinci.

Pusingan yang ketiga boleh dikatakan mengintisarikan seluruh maudhu' surah ini, iaitu ia menafikan bahawa ayat-ayat Al-Qur'an yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. sebagai syair atau sajak. Ia menafikan bahawa Rasulullah s.a.w. itu mempunyai sebarang hubungan dengan sajak, kemudian ia menayangkan beberapa pemandangan dan beberapa sentuhan yang membuktikan Uluhiyah Yang Maha Esa. Setelah itu ia menyentuh persoalan kebangkitan selepas mati dengan mengingatkan mereka terhadap asal-usul kejadian mereka yang diciptakan dari nutfah supaya mereka melihat bahawa proses menghidupkan kembali tulang-tulang yang telah reput itu adalah sama dengan proses penciptaan mereka dari nutfah itu. Tiada padanya sebarang keganjilan. Kemudian ia mengingatkan mereka dengan pokok yang hijau yang mengandungi api, sedangkan pertemuan kedua-duanya itu pada lahirnya amat jauh.

Pada akhirnya datanglah nada terakhir:

إِنَّمَآ أَمۡرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيۡـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

فَسُبۡحَٰنَ ٱلَّذِي بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيۡءٖ وَإِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Sesungguhnya cara penciptaan Allah itu ialah apabila Dia mahu menjadikan sesuatu Dia hanya berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia terus jadi (82). Maka Maha Sucilah Allah yang memegang kerajaan segala sesuatu dan seluruh kamu akan dipulangkan kepada-Nya."(83)

Sekarang setelah mengemukakan ringkasan ini marilah kita masuk pula ke dalam huraian yang terperinci.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 12)

يسٓ ﴿١﴾

وَٱلۡقُرۡءَانِ ٱلۡحَكِيمِ ﴿٢﴾

إِنَّكَ لَمِنَ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ﴿٣﴾

عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ﴿٤﴾

تَنزِيلَ ٱلۡعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٥﴾

لِتُنذِرَ قَوۡمٗا مَّآ أُنذِرَ ءَابَآؤُهُمۡ فَهُمۡ غَٰفِلُونَ ﴿٦﴾

لَقَدۡ حَقَّ ٱلۡقَوۡلُ عَلَىٰٓ أَكۡثَرِهِمۡ فَهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿٧﴾

إِنَّا جَعَلۡنَا فِيٓ أَعۡنَٰقِهِمۡ أَغۡلَٰلٗا فَهِيَ إِلَى ٱلۡأَذۡقَانِ فَهُم مُّقۡمَحُونَ ﴿٨﴾

وَجَعَلۡنَا مِنۢ بَيۡنِ أَيۡدِيهِمۡ سَدّٗا وَمِنۡ خَلۡفِهِمۡ سَدّٗا فَأَغۡشَيۡنَٰهُمۡ فَهُمۡ لَا يُبۡصِرُونَ ﴿٩﴾

وَسَوَآءٌ عَلَيۡهِمۡ ءَأَنذَرۡتَهُمۡ أَمۡ لَمۡ تُنذِرۡهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿١٠﴾

إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ ٱتَّبَعَ ٱلذِّكۡرَ وَخَشِيَ ٱلرَّحۡمَٰنَ بِٱلۡغَيۡبِۖ فَبَشِّرۡهُ بِمَغۡفِرَةٖ وَأَجۡرٖ كَرِيمٍ ﴿١١﴾

إِنَّا نَحۡنُ نُحۡيِ ٱلۡمَوۡتَىٰ وَنَكۡتُبُ مَا قَدَّمُواْ وَءَاثَٰرَهُمۡۚ وَكُلَّ شَيۡءٍ أَحۡصَيۡنَٰهُ فِيٓ إِمَامٖ مُّبِينٖ ﴿١٢﴾

"Yaa, Siin (1). Demi Al-Qur'an yang amat bijaksana (2). Sesunggahnya engkau (wahai Muhammad) adalah dari golongan para rasul (3). Yang mengikut jalan yang lurus (4). Al-Qur'an itu diturun oleh Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih (5). Supaya engkau memberi peringatan kepada satu kaum yang datuk nenek mereka tidak pernah diberikan peringatan, kerana itulah mereka lalai (6). Sesungguhnya telah ditetapkan keputusan 'azab di atas kebanyakan mereka (kaum Musyrikin) kerana itu mereka tidak beriman (7). Sesungguhnya Kami telah memasang belenggu-belenggu di leher mereka dan belenggu-belenggu itu menongkat dagu mereka kerana itu mereka terdongak (8). Dan Kami telah memasang sebuah dinding di hadapan mereka dan sebuah dinding lagi di belakang mereka dan Kami tutupkan mata mereka, maka kerana itu mereka tidak dapat melihat (9). Sama sahaja bagi mereka, sama ada engkau memberi peringatan kepada mereka atau tidak memberi peringatan, mereka tetap tidak beriman (10). Engkau hanya dapat memberi peringatan kepada orang yang mengikut Al-Qur'an dan takut kepada Allah Yang Maha Penyayang tanpa melihat-Nya, oleh itu sampaikanlah kepadanya berita gembira iaitu keampunan dan pahala yang mulia (11). Sesungguhnya Kami akan menghidupkan sekalian yang mati dan Kami mencatatkan segala perbuatan yang dilakukan mereka dan segala kesan perbuatan mereka. Dan segala sesuatu mengenainya Kami hitungkannya satu persatu dalam sebuah buku yang amat jelas."(12)

Al-Qur'an Disalut Dengan Sifat Bijaksana

Allah S.W.T. bersumpah dengan dua huruf **"Yaa, Siin"** di samping bersumpah dengan Al-Qur'anul-Karim. Pengumpulan di antara huruf-huruf potongan dengan Al-Qur'an ini menguatkan lagi pendapat yang kami pilih dalam mentafsirkan huruf-huruf potongan di awal berbagai-bagai surah itu, iaitu ia mentafsirkan hubungan di antara huruf-huruf itu dengan Al-

Qur'an. Sesungguhnya bukti Al-Qur'an itu dari Allah - iaitu satu bukti yang tidak diperhatikan mereka - ialah Al-Qur'an itu adalah digubahkan dari huruf-huruf yang amat mudah kepada mereka, tetapi susunan pemikiran dan pengungkapan Al-Qur'an mengatasi susunan kemampuan mereka untuk mengubahkannya dengan huruf-huruf ini.

Allah sifatkan Al-Qur'an dalam sumpahnya sebagai **"Al-Qur'an yang amat bijaksana"**. Kebijaksanaan itu adalah satu sifat orang yang berakal. Pengungkapan ayat ini telah menyalutkan Al-Qur'an dengan sifat hidup dan sifat iradat, iaitu sifat-sifat asasi bagi seorang yang bijaksana. Walaupun pengungkapan ini suatu pengungkapan metaforikal, tetapi ia menggambarkan hakikat dan mendekatkannya kepada pemahaman, kerana Al-Qur'an memiliki roh yang mempunyai sifat-sifat makhluk hidup yang boleh bermesra dengan anda apabila anda membulatkan hati anda dan mendengarnya dengan sepenuh jiwa anda. Anda akan dapat mengetahui darinya berbagai-bagai rahsia setiap kali anda membuka pintu hati dan menumpukan seluruh jiwa anda kepadanya, anda akan rindu kepada rupa paras dan sifatnya sebagaimana anda rindukan rupa paras dan sifat-sifat seorang teman yang bersahabat mesra dengan anda sekian lama. Rasulullah s.a.w. amat gemar mendengar Al-Qur'an yang dibaca oleh orang lain. Beliau akan berhenti mendengar di pintu-pintu rumah orang apabila beliau terdengar dari dalamnya ada orang sedang membaca Al-Qur'an; beliau berhenti dan mendengar dengan teliti laksana orang yang berhenti mendengar cerita kekasihnya.

Al-Qur'an yang amat bijaksana ini berbicara dengan setiap orang mengikut keupayaan masing-masing. Ia memetik tali ras yang peka di dalam hati manusia dan berbicara dengannya sekadar kemampuannya. Ia berbicara dengan cara yang bijak yang boleh mengislah dan membimbingkan seseorang ke arah kebaikan.

Al-Qur'an yang amat bijaksana itu mendidik manusia dengan penuh kebijaksanaan mengikut methodologi aqliyah dan psikologi yang lurus, iaitu satu methodologi yang membebaskan seluruh tenaga manusia serta membimbingnya ke arah jalan yang baik dan lurus. Al-Qur'an menegakkan satu sistem hidup yang membenarkan manusia melakukan segala kegiatannya dalam batas peraturannya yang bijaksana.

Allah S.W.T. bersumpah dengan "Yaa" dan "Siin" dan dengan Al-Qur'anul-Hakim untuk menegaskan kebenaran wahyu dan kebenaran risalah yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w.:

Kerasulan Muhammad s.a.w.

إِنَّكَ لَمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٣﴾

"Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah dari golongan para rasul."(3)

Sesungguhnya Allah S.W.T. tidak perlu bersumpah, tetapi persumpahan Allah Jalla Jalalu-Hu dengan Al-Qur'an dan huruf-hurufnya itu telah menyalutkan Rasulullah yang dipersumpahkannya itu dengan kebesaran dan kemuliaan. Kerana Allah tidak bersumpah melainkan sesuatu perkara itu amat besar dan penting.

إِنَّكَ لَمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٣﴾ عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah dari golongan para rasul yang mengikut jalan yang lurus." (3-4)

Pengungkapan seperti ini membayangkan bahawa pengiriman para rasul itu merupakan suatu perkara yang telah ditetapkan Allah dan mempunyai contoh-contohnya di masa yang silam, tetapi ini bukanlah perkara yang hendak dijelaskan oleh ayat ini, malah maksud ayat ini ialah untuk menjelaskan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah dari golongan para rasul. Allah tujukan firman-Nya kepada beliau dengan sumpah ini, bukannya ditujukan kepada para pengingkar dan pendusta untuk menghindarkan sumpah, Rasul dan risalah itu dari menjadi bahan perdebatan dan perbahasan. Sesungguhnya ayat ini merupakan pengumuman secara langsung dari Allah kepada Rasulullah s.a.w.

Ciri-ciri Risalah

إِنَّكَ لَمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٣﴾ عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah dari golongan para rasul(3). Yang mengikut jalan yang lurus."(4)

Ayat ini menjelaskan tabi'at risalah setelah menjelaskan hakikat Rasul. Tabi'at risalah ialah kerasulan dan kejujuran. Ia lurus seperti mata pedang, tiada sebarang bengkang-bengkok dan tiada sebarang penyelewengan, tiada sebarang berbelit-belitan dan kecondongan. Dan kebenarannya amat jelas, tiada sebarang kesamaran dan kekeliruan. Ia tidak dilenturkan hawa nafsu dan tidak diselewengkan sesuatu kepentingan. Setiap orang yang mencarinya akan menemuinya dengan mudah dan bersih.

Kerana tabiatnya yang lurus itulah maka risalah ini mudah, tidak kusut, sulit dan berbelit-belit. Ia tidak menyukarkan keadaan-keadaan. Tidak merumitkan persoalan-persoalan, kefahaman-kefahaman dan cara-cara perbahasan, malah ia menerangkan kebenaran dengan gambaran yang amat senang, tidak bercampuraduk, tidak memerlukan kepada huraian, tidak memerlukan kepada ulasan, liku-liku yang sulit, ibarat-ibarat dan kalimat-kalimat dan tidak memerlukan membawa masuk pengertian-pengertiannya ke dalam lorong-lorong dan tidak memerlukan kepada huraian. Ia boleh dihayati oleh orang-orang kampung dan orang-orang bandar, orang-orang jahil dan orang-orang alim, penghuni gubuk dan penghuni bangunan mewah. Mereka masing-masing memperolehi keperluannya di dalam risalah ini. Masing-masing mendapat darinya lunas-

lunas yang boleh membetulkan kehidupan, peraturan dan hubungan-hubungannya dengan mudah.

Risalah ini sejajar dengan fitrah alam buana, sejajar dengan tabi'at segala benda dan segala hidupan yang wujud di sekeliling manusia. Ia tidak berlanggar dengan tabi'at-tabi'at segala sesuatu dan tidak memaksa manusia melanggarkannya, malah ia lurus di atas jalannya dan selaras dengannya. Ia juga bekerjasama dengan undang-undang yang mengendalikan alam buana ini dengan segala isi dan penghuninya.

Kerana itu ia tetap lurus mengikut jalan yang membawa kepada Allah dan menyampaikan kepada-Nya. Setiap orang yang mengikuti jalannya tidak akan dibimbangi sesat dari Allah Penciptanya dan tidak akan dikhuatirkan menyeleweng dari jalan Allah. Dia berjalan di sebuah lebuh raya lurus yang akan menyampaikannya kepada keredhaan Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Besar.

Dan Al-Qur'anlah yang menjadi pemandu ke jalan yang lurus ini. Dan ke mana sahaja seseorang itu berjalan dengan Al-Qur'an di sana dia akan menemui kelurusan dan kejujuran, dia akan menemui kelurusan itu dalam huraian Al-Qur'an yang menerangkan kebenaran, dan membimbing menuju kebenaran dan akan menemuinya dalam keputusan-keputusannya yang muktamad mengenai nilai-nilai dan meletakkan setiap nilai itu di tempatnya yang wajar.

Fungsi Pokok Al-Qur'an

"Al-Qur'an itu diturun oleh Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(5)

Allah S.W.T. memperkenalkan dirinya kepada para hamba-Nya di tempat-tempat yang seperti ini supaya mereka memahami hakikat Al-Qur'an yang diturunkan kepada mereka. Allah itu Maha Perkasa. Dia berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Dan Allah itu Maha Penyayang terhadap hamba-hamba-Nya. Dia melakukan terhadap mereka apa yang dikehendaki-Nya dengan tujuan untuk mengurniakan rahmat kepada mereka dalam apa sahaja yang dilakukan-Nya.

Hikmat diturunkan Al-Qur'an ialah untuk memberi amaran dan menyampaikan da'wah:

"Supaya engkau memberi peringatan kepada satu kaum yang datuk nenek mereka tidak pernah diberikan peringatan, kerana itulah mereka lalai."(6)

Kelalaian merupakan penyakit yang amat merosakkan hati, kerana hati yang lalai ialah hati yang lumpuh dari menjalankan tugasnya, lumpuh dari daya menerima dan menyambut. Dia bertembung dengan bukti-bukti hidayat di tengah jalan yang dilaluinya tanpa disedari dan difahaminya dan tanpa bergerak untuk menyambutnya. Kerana itulah amaran itu amat sesuai untuk menghadapi kelalaian kaum Musyrikin Makkah itu. Mereka telah berlalu generasi demi generasi tanpa diberi peringatan dan amaran. Mereka adalah dari zuriat keturunan Ismail. Mereka tidak dipimpin oleh mana-mana Rasul selepas Nabi Ismail a.s. justeru itu amaran dan peringatan boleh menyedarkan orang-orang yang lalai dan tidur nyenyak di dalam kelalaian, di mana datuk nenek mereka tidak pernah didatangi Rasul.

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan nasib kesudahan orang-orang yang lalai itu, iaitu keputusan taqdir Allah yang telah menimpa mereka, yang diputuskan mengikut ilmu-Nya yang mengetahui rahsia hati dan keadaan mereka yang telah berlaku dan yang akan berlaku.

Mereka Yang Dihijabkan Dari Keimanan

"Sesungguhnya telah ditetapkan keputusan 'azab di atas kebanyakan mereka (kaum Musyrikin) kerana itu mereka tidak beriman."(7)

Yakni Allah telah memutuskan perkara mereka dan ketetapan taqdir Allah telah pun ditetapkan di atas kebanyakan mereka menurut ilmu-Nya yang mengetahui hakikat diri mereka, mengetahui perasaan-perasaan mereka, kerana itu mereka tidak beriman. Inilah nasib kesudahan terakhir kebanyakan mereka, kerana jiwa mereka telah terhijab dari hidayat dan telah dipalingkan dari melihat dan menghayati bukti-bukti hidayat.

Di sini Al-Qur'an menggambarkan keadaan jiwa mereka dalam bentuk fizikal. Ia gambarkan mereka selaku orang-orang yang terbelenggu dan dihalangi secara paksa dari melihat. Mereka dihijabkan dari hidayat dan iman dengan berbagai-bagai dinding dan mata mereka ditutup dan kerana itu mereka tidak dapat melihat:

إِنَّا جَعَلْنَا فِيٓ أَعْنَٰقِهِمْ أَغْلَٰلًا فَهِيَ إِلَى ٱلْأَذْقَانِ فَهُم مُّقْمَحُونَ ﴿٨﴾
وَجَعَلْنَا مِنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا فَأَغْشَيْنَٰهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ﴿٩﴾

"Sesungguhnya Kami telah memasang belenggu-belenggu di leher mereka dan belenggu-belenggu itu menongkat dagu mereka kerana itu mereka terdongak (8). Dan Kami telah memasang sebuah dinding di hadapan mereka dan sebuah dinding lagi di belakang mereka dan Kami tutupkan mata mereka, maka kerana itu mereka tidak dapat melihat."(9)

Yakni tangan mereka diikat dengan belenggu sehingga ke leher mereka dan diletakkan di bawah dagu mereka menyebabkan kepala mereka terpaksa terdongak ke atas. Mereka tidak dapat melihat ke hadapan. Oleh kerana itu dalam keadaan yang dahsyat ini mereka tidak mempunyai kebebasan

untuk melihat dan memandang. Mereka dihijabkan dari kebenaran dan hidayat. Mereka didindingkan dihadapan dan di belakang mereka. Andainya ikatan belenggu itu dilonggarkan dan mereka pun dapat melihat, namun penglihatan mereka tidak akan dapat menembuskan tembok-tembok dan dinding-dinding itu. Jalan melihat telah ditutup kepada mereka dan mata mereka telah menjadi kabur.

Walaupun pemandangan ini amat dahsyat, namun orang yang pernah menemui manusia-manusia yang seperti ini memang ternampak kepadanya - iaitu apabila mereka tidak dapat melihat kebenaran yang amat jelas dan tidak dapat memahaminya - bahawa di sana ada dinding yang tebal yang menghalangkan mereka dari kebenaran. Walaupun tidak ada belenggu-belenggu di tangan mereka dan kepala mereka tidak dipaksa mendongak ke atas, namun jiwa dan mata mereka tetap terbelenggu dan dipalingkan dari hidayat dan kebenaran secara paksa. Mereka dihijab di sana di sini dari hidayat. Demikianlah bandingan orang-orang yang selalu menentang Al-Qur'an dengan keingkaran dan kekufuran, sedangkan Al-Qur'an membentangkan hujjah-hujjah dan dalil-dalil yang terang, malah Al-Qur'an itu sendiri merupakan hujjah yang amat berpengaruh yang tidak dapat ditentang oleh sesiapa pun.

وَسَوَآءٌ عَلَيۡهِمۡ ءَأَنذَرۡتَهُمۡ أَمۡ لَمۡ تُنذِرۡهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ١٠

"Sama sahaja bagi mereka, sama ada engkau memberi peringatan kepada mereka atau tidak memberi peringatan, mereka tetap tidak beriman."(10)

Amaran Dan Peringatan Hanya Berguna Kepada Orang Yang Takut Kepada Allah

Allah telah membuat keputusan-Nya terhadap mereka kerana Dia mengetahui tabi'at hati mereka yang tidak dapat ditembusi iman. Amaran itu tidak berguna kepada hati yang tidak bersedia untuk menerima iman, iaitu hati yang telah dipalingkan dari iman dan hati yang dihalangi dari iman dengan berbagai-bagai dinding. Amaran itu tidak dapat menciptakan hati, tetapi ia hanya dapat menggerakkan hati yang hidup yang bersedia untuk menerima:

إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ ٱتَّبَعَ ٱلذِّكۡرَ وَخَشِيَ ٱلرَّحۡمَٰنَ بِٱلۡغَيۡبِۖ فَبَشِّرۡهُ بِمَغۡفِرَةٖ وَأَجۡرٖ كَرِيمٍ ١١

"Engkau hanya dapat memberi peringatan kepada orang yang mengikut Al-Qur'an dan takut kepada Allah Yang Maha Penyayang tanpa melihat-Nya, oleh itu sampaikanlah kepadanya berita gembira iaitu keampunan dan pahala yang mulia."(11)

Kata-kata "الذكر" yang dimaksudkan di sini ialah Al-Qur'an mengikut pendapat yang lebih rajih, yakni orang yang mengikut Al-Qur'an dan takut kepada Allah Yang Maha Pemurah walaupun tanpa melihat-Nya itulah sahaja orang yang dapat mengambil manfa'at dari amaran itu, seolah-olah orang inilah sahaja yang diberi amaran dan seolah-olah Rasulullah s.a.w. telah mengkhususkan amaran itu kepada golongan ini sahaja. Kerana walaupun amaran itu memang diumumkan tetapi orang-orang itu telah dihalangi, dari menerimanya. Jadi amaran itu hanya ditujukan kepada orang-orang yang mengikut Al-Qur'an dan takut kepada Allah sahaja:

فَبَشِّرۡهُ بِمَغۡفِرَةٖ وَأَجۡرٖ كَرِيمٍ ١١

"Oleh itu sampaikanlah kepadanya berita gembira iaitu keampunan dan pahala yang mulia."(11)

Yakni keampunan terhadap dosa-dosa yang dilakukan tanpa berterusan. Dan pahala yang mulia kerana takut kepada Allah walaupun dia tidak melihat-Nya dan kerana kesanggupannya mengikut Al-Qur'an yang diturunkan Allah. Takut kepada Allah dan mengikut Al-Qur'an merupakan dua perkara yang berkembar di dalam hati. Sebaik sahaja perasaan takut mengambil tempat di dalam hati dia akan terus iringkannya dengan tindakan melaksanakan perintah yang diturunkan Allah dan berjalan dengan lurus dan jujur mengikut jalan yang dikehendaki Allah.

Di sini Al-Qur'an menegaskan tentang kepastian berlakunya kebangkitan selepas mati dan kehalusan hisab Allah yang tiada suatu pun yang akan terlepas darinya.

Kebangkitan Selepas Mati

إِنَّا نَحۡنُ نُحۡيِ ٱلۡمَوۡتَىٰ وَنَكۡتُبُ مَا قَدَّمُواْ وَءَاثَٰرَهُمۡۚ وَكُلَّ شَيۡءٍ أَحۡصَيۡنَٰهُ فِيٓ إِمَامٖ مُّبِينٖ ١٢

"Sesungguhnya Kami akan menghidupkan sekalian yang mati dan Kami mencatatkan segala perbuatan yang dilakukan mereka dan segala kesan perbuatan mereka. Dan segala sesuatu mengenainya Kami hitungkannya satu persatu dalam sebuah buku yang amat jelas."(12)

Persoalan menghidupkan kembali orang-orang yang telah mati merupakan salah satu persoalan yang menimbulkan perdebatan yang memakan waktu yang amat panjang. Di dalam surah ini telah disebut berbagai-bagai contohnya. Al-Qur'an mengingatkan mereka bahawa segala perbuatan yang dilakukan mereka dan segala kesan-kesan yang ditinggalkan perbuatan-perbuatan mereka semuanya dicatat dan dihitungkan satu persatu, tiada satu perbuatan pun yang terlepas darinya atau dilupakannya. Allah S.W.T.lah yang menghidupkan orang-orang yang telah mati dan Dialah yang mencatatkan segala perbuatan yang dilakukan mereka dan kesan-kesannya. Dialah yang menghitungkan satu persatu perbuatan mereka dan merekodkannya. Oleh itu semua perkara ini pasti berlaku mengikut cara yang

layak dengan urusan yang dikendalikan oleh tangan qudrat Allah.

***Pengertian* الإمام المبين *Dan* اللوح المحفوظ.**

Istilah buku yang amat jelas (الإمام المبين), (اللوح المحفوظ) dan sebagainya lebih dekat ditafsirkan dengan ilmu Allah yang azali dan qadim yang mengetahui segala sesuatu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 19)

Setelah membentangkan persoalan wahyu dan risalah, persoalan kebangkitan selepas mati dan hisab dalam bentuk penjelasan, Al-Qur'an kembali membentangkan semula persoalan-persoalan itu dalam bentuk penceritaan yang mengusik hati, di mana disebutkan situasi-situasi pendustaan dan keimanan serta akibat-akibatnya yang jelas seolah-olah terbentang di hadapan mata:

وَٱضْرِبْ لَهُم مَّثَلًا أَصْحَٰبَ ٱلْقَرْيَةِ إِذْ جَآءَهَا ٱلْمُرْسَلُونَ ﴿١٣﴾

إِذْ أَرْسَلْنَآ إِلَيْهِمُ ٱثْنَيْنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزْنَا بِثَالِثٍ فَقَالُوٓا۟ إِنَّآ إِلَيْكُم مُّرْسَلُونَ ﴿١٤﴾

قَالُوا۟ مَآ أَنتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا وَمَآ أَنزَلَ ٱلرَّحْمَٰنُ مِن شَىْءٍ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا تَكْذِبُونَ ﴿١٥﴾

قَالُوا۟ رَبُّنَا يَعْلَمُ إِنَّآ إِلَيْكُمْ لَمُرْسَلُونَ ﴿١٦﴾

وَمَا عَلَيْنَآ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٧﴾

قَالُوٓا۟ إِنَّا تَطَيَّرْنَا بِكُمْ لَئِن لَّمْ تَنتَهُوا۟ لَنَرْجُمَنَّكُمْ وَلَيَمَسَّنَّكُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٨﴾

قَالُوا۟ طَٰٓئِرُكُم مَّعَكُمْ أَئِن ذُكِّرْتُم بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ﴿١٩﴾

"Kemukakanlah kepada mereka satu cerita teladan tentang penduduk sebuah negeri ketika mereka didatangi para rasul (13). (Iaitu) ketika Kami utuskan kepada mereka dua orang rasul lalu mereka dustakan keduanya, maka Kami bantukan pula dengan rasul yang ketiga lalu rasul-rasul itu pun berkata: Sesungguhnya kami sekalian adalah utusan-utusan Allah yang dikirimkan kepada kamu (14). Jawab mereka: Kamu sekalian tidak lain melainkan hanya manusia biasa seperti kami sahaja. Tuhan Yang Maha Penyayang tidak pernah menurunkan sesuatu apa pun. Kamu tidak lain melainkan hanya berdusta sahaja (15). Jawab (para rasul): Tuhan kamilah sahaja yang mengetahui bahawa kami adalah utusan-utusan-Nya yang dikirimkan kepada kamu (16). Dan tiada lain tugas kami melainkan hanya menyampaikan perintah Allah dengan jelas (17). Kata mereka: Kami telah mendapat sial celaka dengan sebab kamu. Jika kamu tidak berhenti (berda'wah) kami akan rejamkan kamu dan kamu akan merasa penyeksaan kami yang amat pedih (18). Jawab para rasul: Sebab kesialan kamu itu ada bersama kamu. Apakah patut apabila kamu diberi peringatan (kamu mengancam kami dengan rejam)? Malah sebenarnya kamu adalah satu kaum yang pelampau."(19)

Al-Qur'an tidak menyebut siapakah penduduk sebuah negeri itu dan tidak juga menyebut apakah negeri itu. Riwayat-riwayat telah berselisih mengenai negeri itu dan sememangnya tidak ada gunanya bersusah payah mengikuti riwayat-riwayat ini.

Apabila Al-Qur'an tidak menyebut tentang negeri itu, maka ini merupakan satu dalil bahawa penentuan nama dan tempat negeri itu tidak menambahkan sesuatu apa kepada makna dan saranan cerita ini. Oleh kerana itu Al-Qur'an tidak menentukannya dan terus mengemukakan isi cerita itu. Negeri itu ialah sebuah negeri yang diutuskan Allah kepadanya dua orang rasul sebagaimana Allah telah mengutuskan Musa dan saudaranya Harun alaihimas-salam kepada Fir'aun dan kuncu-kuncunya. Kemudian penduduk negeri itu telah mendustakan keduanya lalu Allah bantukan keduanya dengan seorang rasul yang ketiga yang menegaskan kepada mereka bahawa dia dan mereka berdua adalah utusan-utusan dari Allah. Kemudian ketiga-tiga Rasul itu tampil mengemukakan da'wah mereka.

فَقَالُوٓا۟ إِنَّآ إِلَيْكُم مُّرْسَلُونَ ﴿١٤﴾

"Lalu rasul-rasul itu berkata: Sesungguhnya kami sekalian adalah utusan-utusan Allah yang dikirimkan kepada kamu."(14)

Di sini penduduk-penduduk negeri itu membantah para rasul itu dengan bantahan-bantahan yang memang berulang-ulang berlaku di dalam sejarah rasul-rasul dan risalah-risalah.

Pandangan Dangkal Terhadap Imej Seorang Rasul

قَالُوا۟ مَآ أَنتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا وَمَآ أَنزَلَ ٱلرَّحْمَٰنُ مِن شَىْءٍ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا تَكْذِبُونَ ﴿١٥﴾

"Jawab mereka: Kamu sekalian tidak lain melainkan hanya manusia biasa seperti kami sahaja. Tuhan Yang Penyayang tidak pernah menurunkan sesuatu apa. Kamu tidak lain melainkan hanya berdusta sahaja."(15)

Bantahan mereka yang berdasarkan kerana Rasul itu makhluk manusia menampakkan pandangan dan kefahaman mereka yang dangkal, di samping menampakkan kejahilan mereka tentang tugas seorang rasul. Mereka selama-lamanya mengharapkan adanya suatu rahsia yang sulit pada syakhsiyah seseorang rasul dari mengharapkan supaya di sebalik kehidupan seseorang rasul itu tersembunyi gambaran-gambaran fantastik dan dogeng-dongeng

yang mempesonakan mereka, kerana bukankah dia itu utusan dari Allah dan oleh itu bagaimana mungkin ia hidup biasa sahaja tidak dilingkungi gambaran-gambaran fantastik dan dongeng-dongeng yang menarik? Bagaimana mungkin seorang rasul itu hanya mempunyai sahsiah yang terbuka dan bersahaja, tanpa rahsia-rahsia dan teka-teki di sekelilingnya iaitu syakhsiyah manusia biasa dari syakhsiyah-syakhsiyah yang memenuhi pasar-pasar dan rumah-rumah?

Itulah kedangkalan kefahaman dan pandangan. Rahsia-rahsia dan tekateki-tekateki itu bukanlah sifat kenabian dan kerasulan. Ia bukannya lahir dalam bentuk yang bersahaja dan kebudak-budakan. Memang di sebalik kerasulan terdapat satu rahsia yang besar, tetapi rahsia itu terletak pada satu hakikat yang mudah yang wujud di alam kenyataan, iaitu hakikat seorang manusia dari antara manusia-manusia yang ramai itu telah dikurniakan kesediaan laduni untuk membolehkannya menerima wahyu dari Allah apabila dia dipilihkan Allah untuk menerimanya. Ini adalah lebih menakjubkan lagi dari Rasul itu dipilih dari malaikat sebagaimana yang dicadangkan mereka.

Risalah itu adalah sistem Ilahi yang dapat dihayati manusia dan kehidupan seseorang rasul itu merupakan teladan-teladan kehidupan di alam kenyataan yang mengikut sistem Ilahi itu, iaitu teladan yang diseru olehnya supaya dicontohi kaumnya yang sebangsa dengannya, oleh sebab itu Rasul yang diutuskan kepada mereka pastilah dari jenis manusia supaya dia dapat menunjukkan contoh teladan yang mampu diikuti mereka.

Oleh kerana itulah kehidupan Rasulullah s.a.w. itu terdedah kepada pandangan umatnya. Dan Al-Qur'an kitab Allah itu sendiri telah merakamkan ciri-ciri pokok dari kehidupan beliau dengan segala perinciannya dan peristiwa-peristiwanya supaya menjadi sebuah rekod yang dapat dilihat oleh umatnya di sepanjang zaman. Di antaranya termasuk kehidupan rumahtangga dan kehidupan peribadi beliau. Dan kadang-kadang perasaan dan fikiran yang terlintas di hati beliau juga telah dirakamkan oleh Al-Qur'an supaya dapat diketahui oleh semua generasi dan supaya mereka melihat detik-detik hati Nabi sebagai seorang manusia.

Tetapi hakikat yang amat jelas inilah yang masih terus menjadi titik bantahan manusia. Penduduk negeri itu telah berkata kepada ketiga-tiga orang Rasul yang diutuskan kepada mereka:

مَآ أَنتُمۡ إِلَّا بَشَرٞ مِّثۡلُنَا

"Kamu sekalian tidak lain melainkan hanya manusia biasa seperti kami sahaja"(15)

mereka bertujuan mengatakan kamu bukannya rasul-rasul:

وَمَآ أَنزَلَ ٱلرَّحۡمَٰنُ مِن شَيۡءٍ

"Tuhan Yang Maha Penyayang tidak pernah menurunkan suatu apa pun"(15)

yakni dia tidak pernah menurunkan wahyu kepada kamu dan tidak pula menurunkan perintah supaya kamu menyeru kami mengikut wahyu itu.

إِنۡ أَنتُمۡ إِلَّا تَكۡذِبُونَ ١٥

"Kamu tidak lain melainkan hanya berdusta sahaja." (15)

kemudian mendakwa sebagai Rasul yang diutuskan Allah.

Dengan hati seorang rasul yang yakin kepada kebenaran dan mengetahui batas-batas tugasnya, para rasul itu menjawab:

Tugas Seorang Rasul

"Jawab (para rasul): Tuhan kamilah sahaja yang mengetahui bahawa kami adalah utusan-utusan-Nya yang dikirimkan kepada kamu (16). Dan tiada lain tugas kami melainkan hanya menyampaikan perintah Allah dengan jelas."(17)

Allah mengetahui hakikat yang sebenar. Ini sudah cukup. Kewajipan rasul-rasul ialah menyampaikan perintah dan mereka telah pun menunaikan kewajipan-kewajipan mereka dan selepas itu manusia adalah bebas menentukan pilihan untuk diri mereka dan bebas memikul dosa-dosanya. Urusan di antara rasul-rasul dengan manusia ialah menyampaikan perintah Allah. Apabila urusan ini selesai, maka segala urusan yang lain terpulang kepada Allah.

Tetapi para pendusta yang sesat itu tidak menangani perkara ini dengan cara yang jelas dan mudah seperti ini. Mereka tidak sanggup melihat adanya penda'wah-penda'wah kepada hidayat. Mereka merasa bangga dengan kerja-kerja mereka yang berdosa. Mereka menggunakan cara yang amat kasar dan kejam untuk menentang kebenaran, kerana orang yang tidak benar itu selalunya berdada sempit dan bersikap sewenang-wenang:

Kepercayaan Pessimisme

"Kata mereka: Kami telah mendapat sial celaka dengan sebab kamu. Jika kamu tidak berhenti (berda'wah) kami akan rejamkan kamu dan kamu akan merasa penyeksaan kami yang amat pedih."(18)

Yakni kami merasa kamu membawa sial kepada kami. Kami menduga adanya bala bencana dalam da'wah kamu ini. Oleh itu jika kamu tidak berhenti mengganggu, kami tidak akan duduk diam. Kami tidak akan membiarkan kamu terus berda'wah:

لَنَرْجُمَنَّكُمْ وَلَيَمَسَّنَّكُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٨﴾

"Kami akan rejamkan kamu dan kamu akan merasakan penyeksaan kami yang amat pedih."(18)

Demikianlah orang yang mendokong kebatilan itu memperlihatkan sikapnya yang zalim, mengancam para penda'wah, menentang kebenaran dengan tindakan yang keterlaluan dan berkata serta berfikir dengan sewenang-wenang.

Tetapi kewajipan yang diletakkan ke atas bahu para rasul itu mendesak mereka supaya berjuang terus.

قَالُوا۟ طَٰٓئِرُكُم مَّعَكُمْ ۚ أَئِن ذُكِّرْتُم ۚ بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ﴿١٩﴾

"Jawab para rasul: Sebab kesialan kamu itu ada bersama kamu. Apakah patut apabila kamu diberi peringatan (kamu mengancam kami dengan rejam)? Malah sebenarnya kamu adalah satu kaum yang pelampau."(19)

Pessimisme atau kepercayaan mendapat sial celaka dari da'wah Rasul atau dari bentuk muka yang tertentu itu merupakan salah satu dari kepercayaan khurafat jahiliyah. Para rasul tadi telah menerangkan kepada kaum mereka bahawa kepercayaan itu adalah khurafat belaka, kerana baik buruk nasib seseorang itu bukannya datang dari luar diri mereka malah ada bersama mereka dan berhubung rapat dengan niat-niat dan tindaktanduk mereka sendiri, juga bergantung kepada usaha-usaha dan perbuatan-perbuatan mereka. Mereka sendiri menentukan nasib mereka baik atau buruk, kerana iradat Allah terhadap seseorang hamba itu dilaksanakan menerusi dirinya sendiri, menerusi arah tujuannya dan amalan-amalannya sendiri. Dialah yang membawa nasib sial celakanya bersama dirinya. Inilah satu hakikat yang tetap teguh di atas asasnya yang betul. Kepercayaan mendapat sial celaka dari bentuk-bentuk muka atau tempat-tempat dan kalimat-kalimat tertentu itu adalah suatu kepercayaan khurafat yang tidak berasas.

Para rasul berkata kepada mereka:

أَئِن ذُكِّرْتُم

"Apakah patut apabila kamu diberi peringatan (kamu mengancam kami dengan rejam)"(19)

yakni apakah patut kamu bertindak merejam dan mengazabkan kami dengan sebab kami memberi peringatan kepada kamu? Apakah ini balasan kerana memberi peringatan?

بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ﴿١٩﴾

"Sebenarnya kamu adalah satu kaum yang pelampau."(19)

Yakni pemikiran dan perancangan kamu itu telah melampaui batas, kerana kamu membalas nasihat yang baik dengan ancaman bertindak kejam dan membalas da'wah dengan ancaman rejam dan penyeksaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 25)

Apabila Keimanan Mantap Dalam Hati

Itulah sambutan dari hati-hati yang tertutup dari da'wah para rasul. Itulah contoh hati yang dibicarakan oleh surah ini dalam pusingannya yang pertama dan itulah gambaran contoh yang wujud di alam kenyataan.

Adapun contoh orang yang mengikut Al-Qur'an dan takut kepada Allah walaupun ia tidak melihat-Nya, maka dia mempunyai cara bertindak dan cara menyambut da'wah yang berlainan pula:

وَجَآءَ مِنْ أَقْصَا ٱلْمَدِينَةِ رَجُلٌ يَسْعَىٰ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱتَّبِعُوا۟ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٢٠﴾

ٱتَّبِعُوا۟ مَن لَّا يَسْـَٔلُكُمْ أَجْرًا وَهُم مُّهْتَدُونَ ﴿٢١﴾

وَمَا لِىَ لَآ أَعْبُدُ ٱلَّذِى فَطَرَنِى وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٢﴾

ءَأَتَّخِذُ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً إِن يُرِدْنِ ٱلرَّحْمَٰنُ بِضُرٍّ لَّا تُغْنِ عَنِّى شَفَٰعَتُهُمْ شَيْـًٔا وَلَا يُنقِذُونِ ﴿٢٣﴾

إِنِّىٓ إِذًا لَّفِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾

إِنِّىٓ ءَامَنتُ بِرَبِّكُمْ فَٱسْمَعُونِ ﴿٢٥﴾

"Dan datanglah seorang lelaki dari daerah pedalaman negeri itu, lalu dia berseru: Wahai kaumku! Ikutilah para rasul (20). Ikutilah mereka yang tidak meminta dari kamu sebarang upah dan mereka pula adalah orang-orang yang mendapat hidayat (21). Mengapa pula aku tidak patut menyembah Tuhan yang telah menciptakanku dan kepada-Nya sekalian kamu akan dikembalikan (22). Apakah wajar bagiku menyembah tuhan-tuhan yang lain, sedangkan jika Tuhan Yang Maha Penyayang itu mahu menimpakan sesuatu bala bencana ke atasku, nescaya mereka tidak dapat menolongku sedikit pun dan tidak pula dapat menyelamatkanku (23). Sesungguhnya aku - jika aku berbuat demikian - berada di dalam kesesatan yang amat jelas (24). Sesungguhnya aku telah beriman kepada Tuhan kamu. Oleh itu dengarlah nasihatku."(25)

Itulah sambutan fitrah yang sihat kepada da'wah yang benar dan lurus, mudah dan hangat. Itulah fahaman yang lurus dan sambutan terhadap nada pernyataan yang kuat yang menjelaskan kebenaran yang begitu nyata.

Lelaki ini telah mendengar da'wah dan terus menyambutnya setelah dia melihat dalil-dalil yang benar dan logik. Apabila hatinya merasakan hakikat iman, maka hakikat inipun bergerak di dalam hatinya dan dia tidak dapat lagi mendiamkan dirinya. Dia tidak dapat lagi duduk di rumahnya apabila ia melihat

kesesatan, kekufuran dan kejahatan di sekelilingnya. Dia terus keluar mendapatkan kaumnya membawa keimanan yang terpacak di dalam hati dan bergerak dalam perasaannya, sedangkan kaumnya mendustakan para rasul dan mengancam mereka. Dia datang mendapatkan mereka dari daerah pedalaman negeri itu untuk melaksanakan kewajipannya, iaitu untuk menyeru kaumnya kepada kebenaran dan menghalangkan mereka dari melakukan kezaliman dan pencerobohan terhadap para rasul yang hampir-hampir dilakukan mereka.

Orang ini nampaknya bukanlah seorang yang mempunyai pangkat dan kuasa dan bukan pula seorang yang disegani di kalangan kaumnya atau mempunyai keluarga yang kuat di belakangnya, tetapi 'aqidah yang hidup di dalam hati nuraninya itulah yang mendorongnya datang dari daerah pedalaman negeri itu.

قَالَ يَٰقَوْمِ ٱتَّبِعُوا۟ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٢٠﴾

ٱتَّبِعُوا۟ مَن لَّا يَسْـَٔلُكُمْ أَجْرًا وَهُم مُّهْتَدُونَ ﴿٢١﴾

"Lalu bersera: Wahai kaumku! Ikutilah para rasul, ikutilah mereka yang tidak meminta dari kamu sebarang upah dan mereka pula adalah orang-orang yang mendapat hidayat."(20-21)

Yakni orang yang berda'wah seperti ini tanpa meminta upah dan mencari keuntungan adalah orang yang benar. Jika tidak, apakah yang membuat dia sanggup bersusah payah andainya tidak kerana semata-mata menjunjung perintah dari Allah? Apakah yang mendorong mereka memikul tugas da'wah? Dan menghadapi manusia dengan 'aqidah yang berlainan dari 'aqidah yang dipegangi mereka? Dan sanggup mendedahkan diri mereka kepada gangguan, tindakan jahat, ejekan dan penindasan mereka, sedangkan dia tidak mendapat apa-apa hasil dan tidak pula meminta apa-apa upah dari mereka?

ٱتَّبِعُوا۟ مَن لَّا يَسْـَٔلُكُمْ أَجْرًا وَهُم مُّهْتَدُونَ ﴿٢١﴾

"Ikutilah mereka yang tidak meminta dari kamu sebarang upah dan mereka pula adalah orang-orang yang mendapat hidayat."(21)

Tanda mereka mendapat hidayat itu amat jelas dapat dilihat pada tabi'at da'wah mereka, iaitu mereka menyeru manusia supaya menyembah Tuhan Yang Maha Esa dan mengikut jalan yang terang. Mereka menyeru kepada satu 'aqidah yang tidak ada di dalamnya sebarang khurafat dan kesamaran, dan mereka mendapat hidayat ke jalan yang lurus.

Kemudian lelaki itu kembali menceritakan kepada mereka tentang dirinya dan sebab-sebab mengapa dia beriman:

وَمَا لِىَ لَآ أَعْبُدُ ٱلَّذِى فَطَرَنِى وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٢﴾

ءَأَتَّخِذُ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً إِن يُرِدْنِ ٱلرَّحْمَٰنُ بِضُرٍّ

لَّا تُغْنِ عَنِّى شَفَٰعَتُهُمْ شَيْـًٔا وَلَا يُنقِذُونِ ﴿٢٣﴾

إِنِّىٓ إِذًا لَّفِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾

"Mengapa pula aku tidak patut menyembah Tuhan yang telah menciptakanku dan kepada-Nya sekalian kamu akan dikembalikan (22). Apakah wajar bagiku menyembah tuhan-tuhan yang lain, sedangkan jika Tuhan Yang Maha Penyayang itu mahu menimpakan sesuatu bala bencana ke atasku, nescaya mereka tidak dapat menolongku sedikit pun dan tidak pula dapat menyelamatkanku (23). Sesungguhnya aku - jika aku berbuat demikian - berada di dalam kesesatan yang amat jelas."(24)

Itulah pertanyaan yang terbit dari fitrah yang mengakui adanya Khaliq yang menjadi punca kewujudannya.

وَمَا لِىَ لَآ أَعْبُدُ ٱلَّذِى فَطَرَنِى

"Mengapa pula aku tidak menyembah Tuhan yang telah menciptakanku?"(22)

Mengapa aku seharusnya menyeleweng dari jalan yang tabi'i ini yang mula-mula sekali terlintas di dalam jiwa? Fitrah manusia tertarik kepada Pencipta yang menjadikannya. Dia tidak akan menyeleweng darinya melainkan dengan dorongan yang lain yang bertentangan dengan fitrahnya, dia tidak akan membelok ke lain melainkan dengan pengaruh yang lain yang bukan dari tabiatnya. Dari awal lagi ia bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Pencipta. Itulah pusat tawajjuh yang tidak memerlukan kepada mana-mana unsur yang luar dari tabi'at dan tarikan semulajadi jiwanya. Lelaki yang beriman ini merasakan semua hakikat ini di lubuk hatinya. Oleh sebab itulah dia mengeluarkan kata-katanya yang amat jelas dan lurus tanpa berpura-pura, berbelit-belit dan tanpa bersimpul-simpul.

Dia juga merasa dan sedar dengan fitrahnya yang benar dan bersih bahawa seluruh makhluk itu pada akhirnya akan kembali kepada Khaliqnya sebagaimana segala sesuatu itu pulang kepada asalnya:

وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٢﴾

"Dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan."(22)

Dia bertanya: Mengapakah aku tidak menyembah Tuhan yang telah menciptakanku dan Dialah yang menjadi titik kembalinya seluruh makhluk? Dia memperkatakan tentang perkembalian mereka kepada Allah yang juga menciptakan mereka. Oleh itu dia berhak menyembah-Nya.

Kemudian lelaki itu menyebut satu cara hidup yang lain yang bertentangan dengan cara hidup fitrah yang lurus dan memandangnya sebagai suatu kesesatan yang begitu ketara:

ءَأَتَّخِذُ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً إِن يُرِدْنِ ٱلرَّحْمَٰنُ بِضُرٍّ

لَّا تُغۡنِ عَنِّي شَفَٰعَتُهُمۡ شَيۡـٔٗا وَلَا يُنقِذُونِ ﴿٢٣﴾

"Apakah wajar bagiku menyembah tuhan-tuhan yang lain, sedangkan jika Tuhan Yang Rahman itu mahu menimpakan sesuatu bala bencana ke atasku, nescaya mereka tidak dapat menolongku sedikit pun dan tidak pula dapat menyelamatkanku."(23)

Siapakah lagi yang lebih sesat dari orang yang meninggalkan logik fitrah yang menyeru makhluk supaya menyembah Penciptanya, lalu dia menyeleweng kepada menyembah yang lain dari Allah Pencipta tanpa sesuatu keperluan dan dorongan? Siapakah lagi yang lebih sesat dari orang yang menyeleweng dari Allah Pencipta kepada Tuhan-tuhan yang lemah yang tidak berkuasa melindungi mereka dari bala bencana apabila Allah berkehendak menimpakan bala bencana ke atas mereka dengan sebab penyelewengan dan kesesatannya?

إِنِّيٓ إِذٗا لَّفِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾

"Sesungguhnya aku jika aku berbuat demikian - berada di dalam kesesatan yang amat jelas."(24)

Kini lelaki yang bercakap dengan lidah fitrah yang benar dan jelas itu menyatakan keputusannya yang akhir di hadapan kaumnya yang telah mendustakan para rasul dan mengancam keselamatan mereka, kerana suara fitrah di dalam hatinya lebih kuat dari segala pendustaan dan ancaman:

إِنِّيٓ ءَامَنتُ بِرَبِّكُمۡ فَٱسۡمَعُونِ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya aku telah beriman kepada Tuhan kamu. Oleh itu dengarlah nasihatku."(25)

Demikianlah dia melahirkan pengakuan imannya yang yakin dan tenang dan menjadikan mereka sebagai saksi-saksi di atas keimanannya itu. Dia menyarankan kepada mereka supaya membuat pengakuan beriman sepertinya atau menyarankan bahawa dia tidak mempedulikan apa yang akan dikatakan mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 27)

Gugur Syahid

Cara penceritaan kisah ini menyarankan bahawa penduduk negeri itu tanpa berlengah-lengah lagi telah membunuh lelaki itu walaupun tidak sedikit pun disebutkan, secara terus terang, malah tirai dilabuhkan begitu sahaja menamatkan kisah dunia dengan segala isinya dan menamatkan kisah kaum itu, kemudian tirai diangkatkan kembali dan tiba-tiba kita melihat lelaki yang syahid itu telah berada di alam Akhirat dan melihat penghormatan yang disediakan Allah untuknya, iaitu penghormatan yang layak dengan darjah seorang Mu'min yang berani, ikhlas dan gugur syahid:

قِيلَ ٱدۡخُلِ ٱلۡجَنَّةَۖ قَالَ يَٰلَيۡتَ قَوۡمِي يَعۡلَمُونَ ﴿٢٦﴾

بِمَا غَفَرَ لِي رَبِّي وَجَعَلَنِي مِنَ ٱلۡمُكۡرَمِينَ ﴿٢٧﴾

"(Setelah dia dibunuh) dia dipersilakan malaikat: Masuklah ke dalam Syurga. Lalu dia berkata: Alangkah baiknya jika kaumku mengetahui (26). Limpah keampunan yang dikurniakan Tuhanku kepadaku dan menjadikanku dalam golongan para hamba yang dimuliakan-Nya."(27)

Hidup dunia adalah berhubung dengan hidup Akhirat. Dan kita melihat bahawa kematian itu hanya suatu perpindahan dari alam fana kepada alam baqa', dan ia merupakan satu hayunan langkah yang menyelamatkan lelaki yang Mu'min itu dari kesempitan bumi kepada keluasan Syurga, dari pencerobohan kebatilan kepada ketenteraman kebenaran, dari ancaman kezaliman kepada keselamatan ni'mat dan dari gelap-gelita jahiliyah kepada cahaya keyakinan.

[Di sini Berakhirnya Juzu' Kedua Puluh Dua]

JUZU' KE-23

SURAH YAASIN

JUZU' KEDUA PULUH TIGA

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 29)

Inilah balasan orang yang beriman. Adapun balasan orang yang melakukan kezaliman dan keterlaluan, maka kepada Allah balasan itu adalah lebih mudah dari mengirimkan bala tentera malaikat untuk menghancurkan mereka, kerana mereka terlalu lemah:

وَمَا أَنزَلْنَا عَلَىٰ قَوْمِهِۦ مِنۢ بَعْدِهِۦ مِن جُندٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَمَا كُنَّا مُنزِلِينَ ﴿٢٨﴾

إِن كَانَتْ إِلَّا صَيْحَةً وَٰحِدَةً فَإِذَا هُمْ خَٰمِدُونَ ﴿٢٩﴾

"(Dan sesudah itu) Kami tidak menurunkan sebarang pasukan tentera dari langit untuk membinasakan kaumnya dan Kami tidak pula perlu menurunkan pasukan itu (28). Tiada (suatu yang diperlukan) melainkan hanya satu pekikan sahaja, maka seluruh mereka mati sunyi sepi."(29)

Al-Qur'an tidak menerangkan dengan panjang lebar tentang bentuk kebinasaan yang menimpa kaum itu, kerana memperkecilkan taraf kedudukan mereka. Hanya dengan satu pekikan sahaja seluruh mereka binasa dan mati. Kemudian tirai pun dilabuhkan menutup pemandangan kesudahan yang amat malang dan hina.

(Kumpulan ayat-ayat 30 - 68)

يَٰحَسْرَةً عَلَى ٱلْعِبَادِ ۚ مَا يَأْتِيهِم مِّن رَّسُولٍ إِلَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٣٠﴾

أَلَمْ يَرَوْا۟ كَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّنَ ٱلْقُرُونِ أَنَّهُمْ إِلَيْهِمْ لَا يَرْجِعُونَ ﴿٣١﴾

وَإِن كُلٌّ لَّمَّا جَمِيعٌ لَّدَيْنَا مُحْضَرُونَ ﴿٣٢﴾

وَءَايَةٌ لَّهُمُ ٱلْأَرْضُ ٱلْمَيْتَةُ أَحْيَيْنَٰهَا وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا حَبًّا فَمِنْهُ يَأْكُلُونَ ﴿٣٣﴾

وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّٰتٍ مِّن نَّخِيلٍ وَأَعْنَٰبٍ وَفَجَّرْنَا فِيهَا مِنَ ٱلْعُيُونِ ﴿٣٤﴾

لِيَأْكُلُوا۟ مِن ثَمَرِهِۦ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ ۖ أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٥﴾

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْأَزْوَٰجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنۢبِتُ ٱلْأَرْضُ وَمِنْ أَنفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾

وَءَايَةٌ لَّهُمُ ٱلَّيْلُ نَسْلَخُ مِنْهُ ٱلنَّهَارَ فَإِذَا هُم مُّظْلِمُونَ ﴿٣٧﴾

وَٱلشَّمْسُ تَجْرِى لِمُسْتَقَرٍّ لَّهَا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿٣٨﴾

وَٱلْقَمَرَ قَدَّرْنَٰهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَٱلْعُرْجُونِ ٱلْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾

لَا ٱلشَّمْسُ يَنۢبَغِى لَهَآ أَن تُدْرِكَ ٱلْقَمَرَ وَلَا ٱلَّيْلُ سَابِقُ ٱلنَّهَارِ ۚ وَكُلٌّ فِى فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

وَءَايَةٌ لَّهُمْ أَنَّا حَمَلْنَا ذُرِّيَّتَهُمْ فِى ٱلْفُلْكِ ٱلْمَشْحُونِ ﴿٤١﴾

وَخَلَقْنَا لَهُم مِّن مِّثْلِهِۦ مَا يَرْكَبُونَ ﴿٤٢﴾

وَإِن نَّشَأْ نُغْرِقْهُمْ فَلَا صَرِيخَ لَهُمْ وَلَا هُمْ يُنقَذُونَ ﴿٤٣﴾

إِلَّا رَحْمَةً مِّنَّا وَمَتَٰعًا إِلَىٰ حِينٍ ﴿٤٤﴾

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱتَّقُوا۟ مَا بَيْنَ أَيْدِيكُمْ وَمَا خَلْفَكُمْ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٤٥﴾

وَمَا تَأْتِيهِم مِّنْ ءَايَةٍ مِّنْ ءَايَٰتِ رَبِّهِمْ إِلَّا كَانُوا۟ عَنْهَا مُعْرِضِينَ ﴿٤٦﴾

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَنفِقُوا۟ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ قَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَنُطْعِمُ مَن لَّوْ يَشَآءُ ٱللَّهُ أَطْعَمَهُۥٓ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٤٧﴾

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٨﴾

مَا يَنظُرُونَ إِلَّا صَيْحَةً وَٰحِدَةً تَأْخُذُهُمْ وَهُمْ يَخِصِّمُونَ ﴿٤٩﴾

فَلَا يَسْتَطِيعُونَ تَوْصِيَةً وَلَآ إِلَىٰٓ أَهْلِهِمْ
يَرْجِعُونَ ٥٠
وَنُفِخَ فِى ٱلصُّورِ فَإِذَا هُم مِّنَ ٱلْأَجْدَاثِ إِلَىٰ رَبِّهِمْ
يَنسِلُونَ ٥١
قَالُوا۟ يَٰوَيْلَنَا مَنۢ بَعَثَنَا مِن مَّرْقَدِنَا ۜ ۗ هَٰذَا مَا وَعَدَ
ٱلرَّحْمَٰنُ وَصَدَقَ ٱلْمُرْسَلُونَ ٥٢
إِن كَانَتْ إِلَّا صَيْحَةً وَٰحِدَةً فَإِذَا هُمْ جَمِيعٌ لَّدَيْنَا
مُحْضَرُونَ ٥٣
فَٱلْيَوْمَ لَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْـًٔا وَلَا تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا
كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ٥٤
إِنَّ أَصْحَٰبَ ٱلْجَنَّةِ ٱلْيَوْمَ فِى شُغُلٍ فَٰكِهُونَ ٥٥
هُمْ وَأَزْوَٰجُهُمْ فِى ظِلَٰلٍ عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ مُتَّكِـُٔونَ ٥٦
لَهُمْ فِيهَا فَٰكِهَةٌ وَلَهُم مَّا يَدَّعُونَ ٥٧
سَلَٰمٌ قَوْلًا مِّن رَّبٍّ رَّحِيمٍ ٥٨
وَٱمْتَٰزُوا۟ ٱلْيَوْمَ أَيُّهَا ٱلْمُجْرِمُونَ ٥٩
أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَٰبَنِىٓ ءَادَمَ أَن لَّا تَعْبُدُوا۟
ٱلشَّيْطَٰنَ ۖ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ٦٠
وَأَنِ ٱعْبُدُونِى ۚ هَٰذَا صِرَٰطٌ مُّسْتَقِيمٌ ٦١
وَلَقَدْ أَضَلَّ مِنكُمْ جِبِلًّا كَثِيرًا ۖ أَفَلَمْ تَكُونُوا۟
تَعْقِلُونَ ٦٢
هَٰذِهِۦ جَهَنَّمُ ٱلَّتِى كُنتُمْ تُوعَدُونَ ٦٣
ٱصْلَوْهَا ٱلْيَوْمَ بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ٦٤
ٱلْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰٓ أَفْوَٰهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَآ أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ
أَرْجُلُهُم بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ٦٥

وَلَوْ نَشَآءُ لَطَمَسْنَا عَلَىٰٓ أَعْيُنِهِمْ فَٱسْتَبَقُوا۟ ٱلصِّرَٰطَ
فَأَنَّىٰ يُبْصِرُونَ ٦٦
وَلَوْ نَشَآءُ لَمَسَخْنَٰهُمْ عَلَىٰ مَكَانَتِهِمْ فَمَا
ٱسْتَطَٰعُوا۟ مُضِيًّا وَلَا يَرْجِعُونَ ٦٧
وَمَن نُّعَمِّرْهُ نُنَكِّسْهُ فِى ٱلْخَلْقِ ۖ أَفَلَا يَعْقِلُونَ ٦٨

"Alangkah besarnya penyesalan yang menimpa hamba-hamba-Ku yang menentang Rasul. Tiada seorang rasul yang datang kepada mereka melainkan mereka ejekannya (30). Tidakkah mereka mengetahui berapa banyak umat sebelum mereka yang telah Kami binasakannya dan mereka tidak lagi pulang kepada mereka (di dunia)? (31) Dan setiap orang dari mereka pasti akan dihadirkan di hadapan Kami (32). Dan satu bukti yang terang untuk renungan mereka ialah kejadian bumi yang mati. Kami telah hidupkan bumi itu (dengan tumbuh-tumbuhan) dan Kami keluarkan darinya biji-bijian dan darinya juga mereka mendapat makanan (33). Dan Kami jadikan padanya kebun-kebun kurma dan anggur dan Kami alirkan padanya matair-matair (34). Supaya mereka dapat memakan hasil-hasil buah-buahannya dan hasil-hasil dari apa yang diusahakan tangan mereka. Mengapakah mereka tidak bersyukur? (35) Maha Sucilah Allah yang telah menjadikan seluruh makhluk secara berpasang-pasangan, iaitu dari tumbuh-tumbuhan di bumi dan diri mereka sendiri, juga kejadian-kejadian yang lain yang tidak diketahui mereka (36). Dan satu lagi bukti yang terang untuk renungan mereka ialah kejadian malam; Kami hapuskan siang tiba-tiba seluruh mereka berada dalam gelap-gelita (37). Juga perjalanan matahari yang berlari ke tempat perhentiannya. Itulah perencanaan yang telah diaturkan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui (38). Juga perjalanan bulan, Kami aturkan perjalanannya beredar melalui beberapa peringkat perkembangan dan pada akhirnya ia kembali ke peringkat awalnya dengan bentuk melengkung seperti tandan tamar yang tua (39). (Dengan peraturan itu matahari tidak mungkin mengejar bulan dan malam tidak mungkin mendahului siang. Tiap-tiap satunya terapung-apung beredar di tempat peredaran masing-masing (40). Dan satu lagi bukti yang terang untuk renungan mereka ialah Kami telah mengangkut zuriat keturunan mereka dalam bahtera yang penuh sarat (41). Begitu juga kami ciptakan untuk mereka kenderaan-kenderaan lain yang sama sepertinya yang dapat dinaiki mereka (42). Dan jika Kami kehendaki nescaya Kami menenggelamkan mereka dan (ketika itu) tiada siapa yang berkuasa menolong mereka dan tidak pula mereka dapat diselamatkan (43). Melainkan dengan rahmat dan keni'matan hidup dari limpah kurnia Kami hingga ke satu masa yang tertentu (44). Dan apabila dikatakan kepada mereka: Jagalah diri kamu (dari punca-punca kemurkaan Allah yang ada) di hadapan kamu supaya kamu dirahmati Allah (mereka tidak menghiraukannya) (45). Dan tiada suatu ayat dari ayat-ayat Allah yang sampai kepada mereka melainkan mereka terus berpaling darinya (46). Dan apabila dikatakan kepada mereka: Dermakanlah sebahagian rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada kamu, maka mereka yang kafir berkata kepada mereka yang beriman: Apakah wajar bagi kami memberi makan kepada mereka (fakir miskin) sedangkan jika Allah kehendaki tentulah Dia sendiri akan memberi makan kepada mereka? Kamu sebenarnya berada di dalam kesesatan yang amat nyata (47). Dan mereka bertanya: Bilakah Qiamat yang dijanjikan ini jika

kamu bercakap benar? (48) Sebenarnya mereka hanya menunggu satu pekikan sahaja yang akan membinasakan mereka, sedangkan mereka ketika itu sedang leka bertengkar (49). Kerana itu mereka tidak sempat meninggalkan pesanan dan tidak sempat kembali mendapatkan keluarga mereka (50). Dan apabila sangkakala (kedua) ditiupkan, maka seluruh mereka mendadak keluar dari kubur-kubur mereka menuju kepada Tuhan mereka (51). Mereka berkata: Alangkah celakanya nasib kami! Siapakah yang telah membangkitkan kami dari tempat tidur kami ini? Inilah kebangkitan (hari) yang dijanjikan Tuhan Yang Maha Penyayang dan amat benarlah sekalian Rasul itu (52). Hanya dengan satu pekikan sahaja tiba-tiba seluruh mereka dihadirkan di hadapan Kami (53). Pada hari ini setiap orang tidak akan dianiayai sedikit pun dan kamu tidak akan dibalas melainkan menurut amalan yang dilakukan kamu (54). Sesungguhnya penduduk Syurga pada hari ini berada dalam kesibukan meni'mati pelbagai keni'matan (55). Mereka dan pasangan-pasangan mereka berada di bawah naungan yang teduh dan bersandar di atas takhta (56). Di dalam Syurga mereka dihidangkan berbagai-bagai buah-buahan dan mereka memperolehi apa sahaja yang diidami mereka (57). (Mereka menerima) ucapan selamat sejahtera dari Tuhan Yang Maha Pengasih (58). Kemudian diperintahkan kepada mereka: Pada hari ini asingkan diri kamu (dari orang-orang Mu'min), wahai orang-orang yang berdosa! (59) Wahai anak-anak Adam! Tidakkah Aku telah perintah kepada kamu supaya kamu jangan menyembah syaitan? Kerana syaitan itu musuh kamu yang amat nyata (60). Dan supaya kamu menyembah-Ku. Inilah jalan yang lurus (61). Dan sesungguhnya syaitan itu telah menyesatkan sebilangan yang amat ramai dari kamu. Apakah tidak kamu berfikir? (62) (Kemudian mereka ditunjukkan): Inilah Neraka Jahannam yang telah diancamkan kepada kamu (63). Rasakanlah bakarannya pada hari ini dengan sebab kekufuran yang dilakukan kamu (64). Pada hari ini Kami tutupkan mulut mereka dan membiarkan tangan mereka memberi keterangan kepada Kami dan membiarkan kaki mereka menjadi saksi terhadap segala apa yang dilakukan mereka (65). (Pada hari ini) jika Kami kehendaki, Kami boleh menghapuskan penglihatan mereka dan menyebabkan mereka (lintang-pukang) berlumba-lumba menyeberangi Sirat. Bagaimana mungkin mereka melihat? (66) Dan jika Kami kehendaki Kami boleh ubahkan mereka menjadi kaku dan terpaku ditempat mereka dan kerana itu mereka tidak dapat mara ke depan dan pulang ke belakang (67). Dan siapa yang Kami panjangkan umurnya, Kami akan kembalikannya semula kepada keadaannya di zaman kecil. Apakah tidak mereka berfikir?."(68)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Setelah memperkatakan di dalam pelajaran pertama tentang orang-orang Musyrikin yang menentang dan mendustakan da'wah Islam dan tentang kisah teladan yang dikemukakan kepada mereka, iaitu kisah penduduk sebuah negeri yang mendustakan rasul-rasul mereka dan nasib kesudahan mereka yang telah dibinasakan Allah,

فَإِذَا هُمْ خَامِدُونَ ٢٩

"Maka seluruh mereka mati sunyi sepi"(29)

maka di dalam pelajaran ini Al-Qur'an mulai memperkatakan secara umum mengenai sikap para pendusta dalam setiap agama yang benar. Ia menayangkan gambaran manusia-manusia sesat di sepanjang abad. Ia melahirkan keluhan kecewa terhadap orang-orang yang tidak mahu mengambil pengajaran dari umat-umat yang telah binasa sebelum mereka, sedangkan umat ini tidak akan pulang melainkan pada hari Qiamat:

وَإِن كُلٌّ لَّمَّا جَمِيعٌ لَّدَيْنَا مُحْضَرُونَ ٣٢

"Dan setiap orang dari mereka pasti akan dihadirkan di hadapan Kami."(32)

Kemudian ia mulai membentangkan bukti-bukti kekuasaan Allah pada kejadian-kejadian alam buana yang sentiasa disaksikan oleh mereka dengan hati yang cuai dan lalai. Bukti-bukti kekuasaan Allah itu terdapat pada kejadian diri mereka sendiri, pada kejadian-kejadian di sekeliling mereka dan di dalam sejarah mereka yang lama, namun demikian mereka tidak merasa apa-apa dan apabila diberi peringatan mereka tidak mengambil peringatan.

وَمَا تَأْتِيهِم مِّنْ آيَةٍ مِّنْ آيَاتِ رَبِّهِمْ إِلَّا كَانُوا عَنْهَا مُعْرِضِينَ ٤٦

"Dan tiada suatu ayat dari ayat-ayat Allah yang sampai kepada mereka melainkan mereka terus berpaling darinya."(46)

Mereka pinta disegerakan 'azab kerana tidak percaya:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا الْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ ٤٨

"Dan mereka bertanya: Bilakah Qiamat yang dijanjikan ini jika kamu bercakap benar?"(48)

Sesuai dengan permintaan mereka supaya disegerakan 'azab itu, Al-Qur'an menayangkan satu pemandangan yang panjang dari pemandangan-pemandangan hari Qiamat, di mana mereka melihat dengan jelas nasib kesudahan mereka yang malang yang dipinta mereka supaya disegerakannya itu seolah-olah kelihatan terpampang di hadapan mata mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 32)

Penyesalan Yang Akan Menimpa Manusia-manusia Yang Malang

يَا حَسْرَةً عَلَى الْعِبَادِ ۚ مَا يَأْتِيهِم مِّن رَّسُولٍ إِلَّا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ٣٠

أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّنَ الْقُرُونِ أَنَّهُمْ إِلَيْهِمْ لَا يَرْجِعُونَ ٣١

وَإِن كُلٌّ لَّمَّا جَمِيعٌ لَّدَيْنَا مُحْضَرُونَ ٣٢

"Alangkah besarnya penyesalan yang menimpa hamba-hamba-Ku yang menentang rasul. Tiada seorang rasul yang datang kepada mereka melainkan mereka ejekkannya (30). Tidakkah mereka mengetahui beberapa banyak umat sebelum mereka yang telah Kami binasakannya dan mereka tidak lagi pulang kepada mereka (di dunia)? (31) Dan setiap orang dari mereka pasti akan dihadirkan di hadapan Kami."(32)

Penyesalan ialah perasaan hati terhadap sesuatu perkara yang didukacitakan yang membuat seseorang itu tidak dapat berbuat apa-apa selain dari merasa kesal dan sedih. Allah S.W.T. tidak merasa sesal dan kecewa terhadap hamba-hamba-Nya, tetapi Dia hanya menjelaskan bahawa tindak-tanduk mereka wajar dikesalkan oleh setiap orang kerana perbuatan mereka amat malang dan amat didukacitakan. Ia akan membawa kepada akibat yang amat buruk dan bala yang amat besar.

Alangkah besarnya penyesalan hamba-hamba Allah yang diberi peluang untuk menyelamatkan diri, tetapi mereka tidak mempedulikannya. Mereka melihat di hadapan mereka akibat kebinasaan yang telah menimpa umat-umat sebelum mereka, tetapi mereka tidak mengambil pengajaran dan manfa'at darinya. Allah S.W.T. membuka kepada mereka pintu-pintu rahmat-Nya dengan mengirimkan rasul-rasul dari satu masa ke satu masa, tetapi mereka menjauhkan diri dari pintu-pintu rahmat itu dan berkelakuan biadab terhadap Allah.

مَا يَأۡتِيهِم مِّن رَّسُولٍ إِلَّا كَانُواْ بِهِۦ يَسۡتَهۡزِءُونَ ٣٠ أَلَمۡ يَرَوۡاْ كَمۡ أَهۡلَكۡنَا قَبۡلَهُم مِّنَ ٱلۡقُرُونِ أَنَّهُمۡ إِلَيۡهِمۡ لَا يَرۡجِعُونَ ٣١

"Tiada seorang rasul yang datang kepada mereka melainkan mereka ejekkannya. (30). Tidakkah mereka mengetahui berapa banyak umat sebelum mereka yang telah Kami binasakannya dan mereka tidak lagi pulang kepada mereka."(31)

Kebinasaan umat-umat yang dahulu kala yang pergi tidak pulang-pulang di sepanjang tahun dan abad itu sepatutnya menjadi pengajaran kepada orang yang berfikir dengan insaf, tetapi mereka yang malang itu tidak berfikir dengan insaf Mereka akan menerima nasib yang sama. Manakah keadaan yang lebih dikesalkan dari keadaan mereka yang seperti ini?

Seekor binatang memperlihatkan rasa gentarnya apabila melihat saudaranya binasa di hadapannya dan ia akan cuba menghindarkan dirinya sedapat mungkin dari menerima nasib yang sama, tetapi mengapa manusia sanggup melihat manusia-manusia yang lain binasa seorang demi seorang kemudian dia terus meluru ke jalan yang sama? Perasaan angkuh itulah yang memperdayakannya dari melihat akibat yang buruk yang telah banyak menimpa orang lain itu. Kebinasaan umat-umat yang dahulu yang berlaku di sepanjang jalan adalah dapat dilihat oleh semua orang, tetapi mereka seolah-olah buta tidak dapat melihatnya.

Dan andainya orang-orang yang binasa itu pergi tidak pulang-pulang kepada generasi-generasi pengganti mereka, maka ini bukanlah bererti mereka ditinggalkan begitu sahaja atau terlepas dari hisab Allah.

وَإِن كُلّٞ لَّمَّا جَمِيعٞ لَّدَيۡنَا مُحۡضَرُونَ ٣٢

"Dan setiap orang dari mereka pasti dihadirkan di hadapan Kami."(32)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 36)

Bukti Dari Tanah Gersang

وَءَايَةٞ لَّهُمُ ٱلۡأَرۡضُ ٱلۡمَيۡتَةُ أَحۡيَيۡنَٰهَا وَأَخۡرَجۡنَا مِنۡهَا حَبّٗا فَمِنۡهُ يَأۡكُلُونَ ٣٣ وَجَعَلۡنَا فِيهَا جَنَّٰتٖ مِّن نَّخِيلٖ وَأَعۡنَٰبٖ وَفَجَّرۡنَا فِيهَا مِنَ ٱلۡعُيُونِ ٣٤ لِيَأۡكُلُواْ مِن ثَمَرِهِۦ وَمَا عَمِلَتۡهُ أَيۡدِيهِمۡۚ أَفَلَا يَشۡكُرُونَ ٣٥ سُبۡحَٰنَ ٱلَّذِي خَلَقَ ٱلۡأَزۡوَٰجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنۢبِتُ ٱلۡأَرۡضُ وَمِنۡ أَنفُسِهِمۡ وَمِمَّا لَا يَعۡلَمُونَ ٣٦

"Dan satu bukti yang terang untuk menungan mereka ialah kejadian bumi yang mati. Kami telah hidupkan bumi itu (dengan tumbuh-tumbuhan) dan Kami keluarkan darinya biji-bijian dan darinya juga mereka mendapat makanan (33). Dan Kami jadikan padanya kebun-kebun kurma dan anggur dan Kami alirkan padanya matair-matair (34). Supaya mereka dapat memakan hasil-hasil buah-buahannya dan hasil-hasil dari apa yang diusahakan tangan mereka. Mengapakah mereka tidak bersyukur? (35) Maha Sucilah Allah yang telah menjadikan seluruh makhluk secara berpasang-pasangan, iaitu dari tumbuh-tumbuhan di bumi dan diri mereka sendiri, juga kejadian-kejadian yang lain yang tidak diketahui mereka."(36)

Mereka mendustakan para rasul dan tidak mengambil pengajaran dari kebinasaan para pendusta yang lampau. Mereka tidak memahami apakah makna orang-orang itu pergi dan tidak pulang-pulang. Para rasul hanya bertujuan menyeru mereka kepada Allah dan seluruh kejadian alam di sekeliling mereka menceritakan sifat-sifat Allah kepada mereka, membukti dan menyaksikan kewujudan-Nya. Lihatlah bumi yang amat dekat kepada mereka. Mula-mula mereka nampaknya mati dan tandus, tiada apa-apa tumbuhannya yang hidup dan tiada air yang dapat mencetuskan hayat, kemudian mereka melihatnya hidup subur dengan tumbuh-tumbuhan, terhias indah dengan kebun-kebun kurma dan anggur dan dengan

matair-matair yang mengalir membawa hayat ke mana sahaja ia mengalir.

Hayat itu adalah satu mu'jizat yang tidak mungkin dilakukan oleh tangan manusia. Hanya tangan qudrat kekuasaan Allah sahajalah yang berkuasa melakukan mu'jizat-mu'jizat dan berkuasa membangkitkan roh hayat pada benda-benda yang mati. Dengan melihat tumbuh-tumbuhan yang subur, kebun-kebun yang merimbun dengan daun-daun yang lebat dan buah-buahan yang masak itu dapat membukakan mata dan hati dan membuktikan betapa kuasanya tangan qudrat Ilahi yang menciptakan segala sesuatu dengan indah. Dan tangan qudrat inilah yang membelah tanah untuk memberi jalan kepada tunas tumbuh-tumbuhan keluar mendapatkan kebebasan dan cahaya. Batangnya yang mendapat cahaya matahari itu menjadi subur dan segar. Dahan-dahannya yang lembut berhias dengan daun-daun dan buah-buah. Bunga-bunganya berkembang dan buah-buahnya masak untuk dipetik.

لِيَأْكُلُوا۟ مِن ثَمَرِهِۦ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ ۖ

"Supaya mereka dapat memakan hasil-hasil buah-buahannya dan hasil-hasil dari apa yang diusahakan tangan mereka"(35)

dan tangan qudrat Allahlah yang membolehkan manusia bekerja sebagaimana ia membolehkan tumbuh-tumbuhan itu hidup subur.

أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٥﴾

"Mengapakah mereka tidak bersyukur?"(35)

Setelah membuat sentuhan yang lembut ini, ayat berikut berpaling dari mereka untuk bertasbih kepada Allah yang telah mengeluarkan tumbuh-tumbuhan dan kebun-kebun untuk mereka dan menjadikan tumbuh-tumbuhan itu berpasang-pasangan jantan dan betina, lelaki dan perempuan seperti manusia dan makhluk-makhluk yang lain yang hanya diketahui oleh Allah sahaja.

Bukti Dari Makhluk-makhluk Yang Berpasangan

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْأَزْوَٰجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنۢبِتُ ٱلْأَرْضُ وَمِنْ أَنفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾

"Maha Sucilah Allah yang telah menjadikan seluruh makhluk secara berpasang-pasangan, iaitu dari tumbuh-tumbuhan di bumi dan diri mereka sendiri, juga kejadian-kejadian yang lain yang tidak diketahui mereka."(36)

Ucapan tasbih ini bergema tepat pada waktu dan tempatnya dan bersama-sama ucapan tasbih itu terlukislah satu hakikat agung dari hakikat alam buana, iaitu hakikat persamaan penciptaan dan persamaan asas dan struktur, iaitu Allah telah menciptakan segala makhluk yang hidup secara berpasang-pasangan sama ada pada tumbuh-tumbuhan atau pada manusia atau pada makhluk-makhluk yang lain dari keduanya.

"Yang tidak diketahui mereka."(36)

Persamaan ini membayangkan persamaan tangan qudrat Pencipta yang mewujudkan asas penciptaan yang sama di samping kelainan berbagai-bagai bentuk rupa, berbagai-bagai jenis dan berbagai sifat dan ciri. Siapa tahu mungkin asas persamaan penciptaan ini juga menjadi asas seluruh kejadian di alam buana termasuk benda-benda yang tidak bernyawa, kerana kini telah diketahui umum bahawa atom - yang sebelum ini dikenali sebagai bahagian benda yang paling kecil - adalah tersusun dari dua pasangan sinar atau radiasi elektromagnet yang berlain-lainan iaitu negatif dan positif yang bercantum dan berpadu. Beribu-ribu bintang berkelamin telah dilihat. Bintang-bintang itu terdiri dari dua bintang yang berhubung rapat dan saling tarik menarik satu sama lain. Kedua-duanya beredar di jalan peredaran yang sama seolah-olah keduanya memain sebuah lagu yang sama, yang tetap tidak berubah-ubah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 40)

Bukti Dari Malam Dan Siang, Matahari Dan Bulan

Itulah bukti kekuasaan Allah pada kejadian bumi yang mati yang melahirkan hayat. Kemudian dari kejadian bumi berpindah pula kepada bukti kekuasaan Allah pada kejadian langit dan segala gejala-gejalanya yang dapat dilihat oleh manusia. Qudrat kekuasaan Allahlah yang mengedarkan bintang-bintang dan planet-planetnya dengan mu'jizat-mu'jizat yang luar biasa:

وَءَايَةٌ لَّهُمُ ٱلَّيْلُ نَسْلَخُ مِنْهُ ٱلنَّهَارَ فَإِذَا هُم مُّظْلِمُونَ ﴿٣٧﴾

وَٱلشَّمْسُ تَجْرِى لِمُسْتَقَرٍّ لَّهَا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿٣٨﴾

وَٱلْقَمَرَ قَدَّرْنَٰهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَٱلْعُرْجُونِ ٱلْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾

لَا ٱلشَّمْسُ يَنۢبَغِى لَهَآ أَن تُدْرِكَ ٱلْقَمَرَ وَلَا ٱلَّيْلُ سَابِقُ ٱلنَّهَارِ ۚ وَكُلٌّ فِى فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

"Dan satu lagi bukti yang terang untuk renungan mereka ialah kejadian malam; Kami hapuskan siang tiba-tiba seluruh mereka berada dalam gelap-gelita (37). Juga perjalanan matahari yang berlari ke tempat perhentiannya. Itulah perencanaan yang telah diaturkan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui (38). Juga perjalanan bulan, kami aturkan perjalanannya beredar melalui beberapa peringkat perkembangan dan pada akhirnya ia kembali ke peringkat

awalnya dengan bentuk melengkung seperti tandan tamar yang tua (39). (Dengan peraturan itu) matahari tidak mungkin mengejar bulan dan malam tidak mungkin mendahului siang. Tiap-tiap satunya terapung-apung beredar di tempat peredaran masing-masing."(40)

Pemandangan ketibaan malam, di mana cahaya menghilangkan diri dan kegelapan datang menyelubungi adalah satu pemandangan yang berulang-ulang yang dilihat manusia di segenap tempat dalam masa dua puluh empat jam (kecuali setengah-setengah tempat yang berkekalan siang dan setengah-setengah tempat yang terus malam hingga berminggu-minggu dan berbulan-bulan berhampiran Kutub Utara dan Selatan)! Walaupun kedatangan malam itu berulang-ulang setiap hari, namun ia tetap merupakan satu kejadian yang menakjubkan yang mendorong kepada kegiatan mengamati dan berfikir.

Al-Qur'an mengungkapkan kejadian malam dan siang dalam ayat ini dengan satu ungkapan yang unik. Ia menggambarkan siang bersebati dengan malam kemudian Allah mencabutkan siang dari malam dan tiba-tiba mereka pun berada di dalam gelap-gelita. Kita mungkin dapat mengetahui sedikit tentang rahsia ungkapan yang unik ini apabila kita memahami hakikat kejadian ini, iaitu bumi yang bulat berputar di sekeliling dirinya di hadapan matahari. Mana-mana bahagiannya yang melalui di hadapan matahari, maka bahagian itu akan menjadi siang dan apabila bumi terus berputar dan bahagian itu terlindung dari matahari maka terhapuslah siang darinya dan malam pula menyelubunginya. Demikianlah kejadian malam dan siang ini berlaku di setiap bahagian bumi dengan teratur rapi seolah-olah cahaya siang itu dicabut atau dihapuskan kemudian diganti dengan kegelapan malam. Ini adalah pengungkapan yang menggambarkan hakikat kejadian alam dengan sehalus-halus gambaran.

وَٱلشَّمْسُ تَجْرِى لِمُسْتَقَرٍّ لَّهَا

"Juga perjalanan matahari yang berlari ke tempat perhentiannya."(38)

Matahari berputar di sekeliling dirinya. Dahulu matahari difikirkan tetap di tempatnya, di mana ia berputar di sekeliling dirinya, tetapi di masa kebelakangan ini ia diketahui tidak tetap di tempatnya, malah ia juga berlari, menuju satu hala di angkasa raya alam yang amat luas dengan kederasan - mengikut kiraan Ahli Astronomi - kira-kira dua, belas batu sesa'at. Allah S.W.T. Yang Maha Mengetahui dengan hakikat lariannya dan kesudahannya menerangkan dalam ayat ini bahawa ia berlari menuju ke tempat perhentian, di mana ia akan menamatkan perjalanannya. Hanya Allah sahaja yang mengetahui tempat perhentian itu dan tiada siapa yang mengetahui masa perhentian itu melainkan Allah.

Apabila kita memahami bahawa besar saiz matahari ini ialah kira-kira sejuta kali ganda saiz bumi dan ia bergerak dan berlari di angkasa raya tanpa ditongkat oleh sesuatu apa, nescaya kita dapat memahami sebahagian dari sifat qudrat Ilahi yang menguruskan pentadbiran alam buana ini dengan qudrat kuasa dan ilmu yang syumul:

"Itulah perencanaan yang telah diaturkan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(38)

* * * * * *

وَٱلْقَمَرَ قَدَّرْنَٰهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَٱلْعُرْجُونِ ٱلْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾

"Juga perjalanan bulan, Kami aturkan perjalanannya beredar melalui beberapa peringkat perkembangan dan pada akhirnya ia kembali ke peringkat awalnya dengan bentuk melengkung seperti tandan tamar yang tua."(39)

Manusia melihat bulan di berbagai-bagai peringkat peredarannya. Mula-mula ia lahir dengan bentuk bulan sabit kemudian bertambah besar malam demi malam hingga akhirnya membulat menjadi bulan purnama, kemudian ia mula bertambah kurang pula hingga akhirnya kembali semula kepada, bentuk bulan sabit yang melengkung, seperti tandan tamar yang tua dan kering.

Bagi orang yang memperhatikan bulan malam demi malam, dia dapat memahami bayangan ungkapan Al-Qur'an yang menakjubkan ini.

حَتَّىٰ عَادَ كَٱلْعُرْجُونِ ٱلْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾

"Dan pada akhirnya ia kembali ke peringkat awalnya dengan bentuk melengkung seperti tandan tamar yang tua."(39)

Bulan pada malam-malam pertamanya berbentuk bulan sabit dan, pada malam-malam akhirnya juga berbentuk bulan sabit, tetapi pada malam-malam yang pertama ia, kelihatan begitu segar dan muda, sedangkan pada malam-malam yang akhir ia kelihatan seolah-olah diselubungi keadaan muram, tidak riang, pucat dan layu seperti tandan tamar yang tua. Oleh itu bukanlah sesuatu kebetulan apabila Al-Qur'an menggambarkan bulan itu dengan ungkapannya yang amat menarik itu.

Hidup bersama bulan malam demi malam mencetuskan berbagai-bagai perasaan dan lintasan fikiran yang segar, kaya dan memberi ilham-ilham yang amat mendalam. Hati manusia yang hidup bersama bulan dalam satu peredarannya yang sempurna tidak akan terhindar dari dipengaruhi oleh perasaan-perasaan dan reaksi-reaksi, juga tidak terhindar dari perjalanan-perjalanan menjelajah bersama tangan qudrat Ilahi Yang Maha Kreatif yang menciptakan keindahan dan kegemilangan bulan dan mengaturkan peredaran bintang-bintang dan planet-planet dengan peraturannya yang amat menakjubkan itu sama ada seorang itu mengetahui (secara ilmiyah) rahsia peringkat-peringkat perkembangan dan bentuk-bentuk bulan yang berlain-lainan itu atau tidak, kerana pemandangan-pemandangan peringkat-peringkat perkembangan bulan itu sahaja sudah cukup untuk menggerakkan hatinya, merangsangkan perasaannya dan mendorongkan akalnya untuk meneliti dan berfikir:

Pada akhirnya ayat berikut menjelaskan kehalusan peraturan alam yang mengendalikan bintang-bintang dan planet-planet yang amat banyak itu dan mengaturkan gejala-gejala alam yang terbit dari peraturan yang sepadu dan halus itu.

لَا ٱلشَّمْسُ يَنۢبَغِى لَهَآ أَن تُدْرِكَ ٱلْقَمَرَ وَلَا ٱلَّيْلُ
سَابِقُ ٱلنَّهَارِ ۚ وَكُلٌّ فِى فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

"(Dengan peraturan itu) matahari tidak mungkin mengejar bulan dan malam tidak mungkin mendahului siang. Tiap-tiap satunya terapung-apung beredar di tempat peredaran masing-masing."(40)

Jarak-jarak Di Antara Bintang-bintang Dan Planet-planet Yang Begitu Jauh

Setiap bintang atau planet mempunyai jalan peredarannya (orbit) yang tidak dilampauinya di dalam perjalanan dan peredarannya. Jarak-jarak di antara bintang-bintang dan planet-planet itu amat jauh. Jarak di antara bumi kita dengan matahari adalah dianggarkan kira-kira sembilan puluh tiga juta batu dan jauh bulan dari bumi dianggarkan kira-kira dua ratus empat puluh ribu juta batu. Walaupun jarak-jarak ini begitu jauh, namun ia dikira amat kecil sekali jika dibandingkan dengan jarak di antara keluarga matahari kita (sistem suria) dengan sedekat-dekat bintang dari bintang-bintang langit yang lain kepada kita, iaitu dianggarkan kira-kira empat tahun cahaya. Kederasan perjalanan cahaya dianggarkan seratus lapan puluh enam ribu batu sesa'at (ini bermakna sedekat-dekat bintang kepada kita ialah sejauh kira-kira seratus empat juta batu).

Allah yang menciptakan alam buana yang besar ini telah mengaturkan jarak-jarak yang amat jauh di antara jalan-jalan peredaran bintang-bintang dan planet-planet itu. Allah mengaturkan pelan alam ini sedemikian rupa untuk memelihara dari segala perlanggaran sehingga tiba sa'at Qiamat. Oleh itu matahari tidak akan mengejar bulan, dan malam tidak akan berlumba-lumba dengan siang di dalam perjalanan masing-masing, kerana peredaran yang membawa malam dan siang itu tidak pernah mungkir atau kacau, kedua-duanya tidak berlumba-lumba dan berebut-rebut dalam perjalanan.

وَكُلٌّ فِى فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

"Tiap-tiap satunya terapung-apung beredar di tempat peredaran masing-masing."(40)

Pergerakan bintang-bintang dan planet-planet di angkasa raya yang amat luas itu adalah sama dengan pergerakan kapal-kapal di lautan yang luas saujana, tetapi walaupun bintang-bintang itu begitu besar, namun ia tidak lebih dari satu titik yang kecil yang terapung-apung di angkasa raya.

Manusia akan merasa dirinya semakin kecil ketika memperhatikan jutaan bintang dan planet yang bertaburan di angkasa raya yang sayup saujana. Walaupun saiz-saiznya amat besar, namun bintang-bintang itu kelihatan amat kecil. Seolah-olah hilang dalam angkasa raya itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 44)

Bukti Dari Kapal-kapal Laut

وَءَايَةٌ لَّهُمْ أَنَّا حَمَلْنَا ذُرِّيَّتَهُمْ فِى ٱلْفُلْكِ ٱلْمَشْحُونِ ﴿٤١﴾
وَخَلَقْنَا لَهُم مِّن مِّثْلِهِۦ مَا يَرْكَبُونَ ﴿٤٢﴾
وَإِن نَّشَأْ نُغْرِقْهُمْ فَلَا صَرِيخَ لَهُمْ وَلَا هُمْ يُنقَذُونَ ﴿٤٣﴾
إِلَّا رَحْمَةً مِّنَّا وَمَتَٰعًا إِلَىٰ حِينٍ ﴿٤٤﴾

"Dan satu lagi bukti yang terang untuk renungan mereka ialah Kami telah mengangkut zuriat keturunan mereka dalam bahtera yang penuh sarat (41). Begitu juga kami ciptakan untuk mereka kenderaan-kenderaan lain yang sama sepertinya yang dapat dinaiki mereka (42). Dan jika Kami kehendaki nescaya Kami menenggelamkan mereka dan (ketika itu) tiada siapa yang berkuasa menolong mereka dan tidak pula mereka dapat diselamatkan (43). Melainkan dengan rahmat dan keni'matan hidup dari limpah kurnia Kami hingga ke satu masa yang tertentu."(44)

Di dalam ayat ini terdapat satu hubungan halus yang sesuai di antara bintang-bintang dan planet-planet yang beredar di jalan-jalan peredarannya masing-masing dengan bahtera yang penuh sarat di lautan membawa zuriat keturunan anak Adam, iaitu sesuai dari segi bentuk, sesuai dari segi pergerakan dan sesuai dari segi kedua-duanya adalah tunduk kepada perintah Allah dan terpelihara dengan qudrat Allah di langit dan dibumi.

Mungkin dimaksudkan dengan bahtera yang penuh sarat di sini ialah bahtera Nabi Nuh bapa yang kedua manusia, iaitu bahtera yang telah mengangkut zuriat Adam, kemudian Allah jadikan untuk mereka kapal-kapal yang sepertinya untuk membawa mereka meredah lautan. Mereka semuanya dimuat dan diangkut dengan qudrat dan undang-undang Allah yang mengendalikan alam buana ini. Allah menjadikan kapal-kapal itu terapung-apung di permukaan air mengikut ciri-ciri peraturan binaan kapal, ciri-ciri air, ciri-ciri angin atau wap atau ciri-ciri tenaga nuklear atau sebagainya dari tenaga-tenaga alam yang lain. Dan semuanya adalah dari urusan Allah, penciptaan dan pentadbiran-Nya yang rapi.

وَإِن نَّشَأْ نُغْرِقْهُمْ فَلَا صَرِيخَ لَهُمْ وَلَا هُمْ يُنقَذُونَ ﴿٤٣﴾
إِلَّا رَحْمَةً مِّنَّا وَمَتَٰعًا إِلَىٰ حِينٍ ﴿٤٤﴾

"Dan jika Kami kehendaki, nescaya Kami menenggelamkan mereka dan (ketika itu) tiada sesiapa yang berkuasa menolong mereka dan tidak pula mereka dapat diselamatkan, melainkan dengan rahmat dan keni'matan

hidup dari limpah kurnia Kami hingga ke satu masa yang tertentu."(43-44)

Kapal di lautan laksana sehelai bulu yang diterbangi angin tidak kira walau bagaimana berat dan besarnya dan walau bagaimana kukuh binaannya. Andainya tidak dilindungi rahmat Allah, kapal-kapal itu boleh binasa pada bila-bila masa sahaja sama ada di waktu malam atau siang. Orang-orang yang menyeberangi lautan, sama ada dengan perahu layar atau dengan kapal yang besar, akan merasa kedahsyatan lautan yang mengerikan itu dan akan merasa betapa kecilnya keselamatan dari bahaya-bahaya dan ombak-ombaknya yang besar menggarang itu. Di sana mereka akan sedar erti rahmat Allah, yang merupakan satu pelindung dan penyelamat dari ribut taufan dan gelombang-gelombang di lautan yang luas itu. Hanya kuasa rahmat Allah sahaja yang dapat mengawalkan keliaran ombak-ombaknya yang tidak tunduk kepada mana-mana kuasa yang lain dari kuasa Allah sama ada di langit atau di bumi. Begitulah ia berlangsung sehingga sampai masanya yang tersurat dan tiba masanya yang telah ditetapkan Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui:

"Dan keni'matan hidup dari limpah kurnia Kami hingga ke satu masa yang tertentu."(44)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 48)

Walaupun bukti-bukti kekuasaan Allah itu begitu jelas dan nyata, namun manusia masih terus dalam kelalaian. Ia tidak menarik pandangan mereka dan tidak menggerakkan hati mereka. Mereka tidak berhenti mengejek dan mendustakan rasul. Mereka meminta supaya disegerakan 'azab yang diancamkan oleh para rasul itu kepada mereka.

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱتَّقُواْ مَا بَيْنَ أَيْدِيكُمْ وَمَا خَلْفَكُمْ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٤٥﴾

وَمَا تَأْتِيهِم مِّنْ ءَايَةٍ مِّنْ ءَايَٰتِ رَبِّهِمْ إِلَّا كَانُواْ عَنْهَا مُعْرِضِينَ ﴿٤٦﴾

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَنفِقُواْ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ قَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لِلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَنُطْعِمُ مَن لَّوْ يَشَآءُ ٱللَّهُ أَطْعَمَهُۥٓ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٤٧﴾

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٨﴾

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Jagalah diri kamu (dari punca-punca kemurkaan Allah yang ada) di hadapan dan di belakang kamu supaya kamu dirahmati Allah (mereka tidak menghiraukannya) (45). Dan tiada suatu ayat dari ayat-ayat Allah yang sampai kepada mereka, melainkan mereka terus berpaling darinya (46). Dan apabila dikatakan kepada mereka: Dermakanlah sebahagian rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada kamu, maka mereka yang kafir berkata kepada mereka yang beriman: Apakah wajar bagi kami memberi makan kepada mereka (fakir miskin) sedangkan jika Allah kehendaki tentulah Dia sendiri akan memberi makan kepada mereka? Kamu sebenarnya berada di dalam kesesatan yang amat nyata (47). Dan mereka bertanya: Bilakah Qiamat yang dijanjikan ini jika kamu bercakap benar?"(48)

Bukti-bukti kekuasaan Allah pada kejadian alam buana itu tidak mendorong mereka untuk memerhati dan mengambil pengajaran dan tidak merangsangkan kepekaan perasaan dan ketaqwaan pada mereka, sedangkan bukti-bukti kekuasaan Allah itu sudah cukup untuk menimbulkan rasa kesedaran dan keterharuan di dalam hati yang terbuka. Setiap lembaran dari kitab alam buana yang terbuka ini menunjukkan kebesaran Allah Pencipta dan kehalusan tadbir dan taqdir-Nya, tetapi orang-orang yang buta matahati itu tidak dapat melihatnya dan andainya mereka melihatnya, mereka tidak mengambil pengajaran darinya. Allah S.W.T. - kerana limpah rahmat-Nya - tidak membiarkan mereka tanpa Rasul yang memberi peringatan dan bimbingan kepada mereka, juga menyeru mereka kepada Allah Tuhan alam buana dan Pencipta alam al-wujud, juga merangsangkan perasaan yang peka, takut dan taqwa dalam hati mereka di samping mengingatkan mereka dari punca-punca yang menimbulkan kemarahan dan kemurkaan Ilahi, iaitu punca-punca maksiat yang mengepung mereka dari hadapan dan belakang. Andainya mereka tidak berwaspada mereka akan terjerumus ke dalam maksiat-maksiat itu pada setiap langkah mereka. Di samping bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat pada kejadian-kejadian alam di sekeliling mereka, di mana sahaja mereka menghala, ditambahkan pula dengan ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan berturut-turut kepada mereka, namun demikian mereka terus berada dalam kesesatan dan kelalaian.

Dan apabila mereka diseru supaya membelanjakan sebahagian harta mereka untuk memberi makan kepada fakir miskin, mereka berkata mengejek:

Persepsi Orang Kaya Yang Angkuh

أَنُطْعِمُ مَن لَّوْ يَشَآءُ ٱللَّهُ أَطْعَمَهُۥٓ

"Apakah wajar bagi kami memberi makan kepada mereka (fakir miskin), sedangkan jika Allah kehendaki tentulah Dia sendiri akan memberi makan kepada mereka?"(47)

Dan mereka menunjukkan lagak yang angkuh terhadap mereka yang menyeru mereka kepada kebajikan dan pendermaan itu dengan mengeluarkan kata-kata:

إِنْ أَنتُمْ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٤٧﴾

"Kamu sebenarnya berada dalam kesesatan yang amat nyata."(47)

Persepsi mereka yang seperti ini terhadap pendermaan menunjukkan mereka tidak memahami undang-undang Allah dalam kehidupan manusia. Allah itulah Pemberi makan dan Pemberi rezeki kepada seluruh manusia. Segala rezeki yang didapati manusia di bumi ini adalah dari ciptaan-Nya. Mereka tidak mencipta sesuatu apa untuk diri mereka, dan memanglah mereka tidak berkuasa untuk menciptakan sesuatu. Tetapi kehendak iradat Allah untuk mengimarahkan bumi ini memerlukan manusia mempunyai berbagai-bagai hajat dan keperluan yang tidak dapat dicapai melainkan dengan berusaha dan bekerja dengan penat lelah iaitu dengan usaha pertanian, pertukangan dan pembuatan dari bahan-bahan mentah di bumi dan usaha memindahkan barangan-barangannya dari, satu tempat ke satu tempat dan menukarkan barangan-barangan itu dengan barangan-barangan yang lain atau dengan mata wang atau dengan nilaian yang berlain-lainan mengikut kelainan masa dan tempat. Begitu juga ia memerlukan adanya berbagai-bagai bakat dan kebolehan yang berbeza-beza di antara manusia itu mengikut keperluan pentadbiran khilafah yang sempurna di bumi ini. Khilafah bukan sahaja memerlukan kepada bakat-bakat dan kebolehan di bidang usaha mengumpulkan harta kekayaan dan rezeki sahaja, malah ia memerlukan kepada bakat-bakat kebolehan di bidang-bidang yang lain juga yang dapat memenuhi keperluan asasi bagi menegakkan khilafah manusia di bumi ini, sedangkan orang-orang yang mempunyai bakat-bakat dan kebolehan di bidang-bidang ini tidak pula sempat atau kurang berpeluang untuk mengumpulkan harta kekayaan dan rezeki-rezeki.

Hikmat Di Sebalik Ibadat Zakat

Di tengah-tengah lautan berbagai-bagai keperluan khilafah dan berbagai-bagai bakat dan kebolehan yang diperlukan itu berlangsunglah proses pertukaran manfa'at-manfa'at dan rezeki-rezeki dan berlakulah pertarungan dan rebutan dalam pembahagian-pembahagian dan habuan-habuan rezeki .... di tengah-tengah lautan yang luas ini yang bukan sahaja mempunyai jaringan hubungan dalam satu generasi sahaja malah di dalam berbagai-bagai generasi yang dekat dan jauh, yang silam, yang sekarang dan yang akan datang..... di tengah-tengah lautan inilah berlakunya perbezaan rezeki di tangan manusia. Dan supaya perbezaan rezeki ini tidak membawa kepada kerosakan hidup dan masyarakat kerana memandangkan perbezaan itu pada asalnya terbit dari kegiatan hidup untuk menegakkan khilafah manusia di muka bumi ini, maka Islam bertindak mengatasi masalah-masalah keperluan individu itu dengan mewajibkan orang-orang yang kaya mengeluarkan sebahagian dari harta kekayaan mereka untuk golongan fakir miskin demi menjaminkan makanan dan keperluan hidup mereka. Dengan peruntukan ini dapat membetul dan membaikkan kebanyakan hati orang-orang miskin atau orang-orang kaya. Islam telah menjadikan peruntukan itu sebagai bayaran zakat dan di antara makna zakat yang ditetapkannya ialah kebersihan (membersihkan diri). Begitu juga Islam menjadikan zakat itu sebagai satu ibadat. Dan dengan zakat ini Allah menjalinkan hubungan yang mesra di antara orang-orang miskin dengan orang-orang kaya dalam masyarakat Islam yang mithali yang tidak ada tolok bandingnya.

Perkataan orang-orang Musyrikin yang terhijab dari memahami hikmat kebijaksanaan Allah dalam mengaturkan hidup manusia yang berbunyi.

أَنُطْعِمُ مَن لَّوْ يَشَآءُ ٱللَّهُ أَطْعَمَهُۥٓ

"Apakah wajar bagi kami memberi makan kepada mereka (fakir miskin) sedangkan jika Allah kehendaki tentulah Dia sendiri akan memberi makan kepada mereka?"(47)

juga kecaman mereka terhadap orang-orang yang menyeru mereka supaya membelanjakan sebahagian dari harta kekayaan mereka untuk kebajikan yang berbunyi.

إِنْ أَنتُمْ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٤٧﴾

"Kamu sebenarnya berada dalam kesesatan yang amat nyata"(47)

Perkataan-perkataan ini tidak lain melainkan benar-benar membayangkan kesesatan dan kebingungan mereka sendiri dalam memahami tabi'at undang-undang Allah, memahami pergerakan hidup, memahami betapa besarnya pergerakan itu dan memahami betapa agungnya tujuan dilengkapkan manusia dengan berbagai-bagai bakat dan kebolehan yang berlainan itu, dan dengan kelainan ini berlaku proses pengagihan dan pembahagian harta-harta kekayaan dan rezeki-rezeki itu.

Islam meletakkan satu peraturan yang menjaminkan peluang-peluang yang adil bagi setiap individu, kemudian ia membiarkan berbagai-bagai kegiatan manusia yang perlu untuk menegakkan urusan khalifah supaya berlangsung mengikut salurannya yang bersih, kemudian ia menangani segala kesan-kesan yang buruk dengan cara-caranya yang selamat.

Pada akhirnya diterangkan kesangsian dan ejekan kaum Musyrikin terhadap janji Qiamat:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٨﴾

"Dan mereka bertanya: Bilakah Qiamat yang dijanjikan ini jika kamu bercakap benar?"(48)

Janji Allah itu tidak akan dipercepatkan semata-mata kerana manusia mendesak supaya dipercepatkannya, dan tidak akan ditangguhkan kerana manusia memohon supaya ditangguhkannya. Segala sesuatu ada ketentuan dan waktunya yang tetap di sisi Allah. Segala perkara berlaku mengikut masanya yang tertentu dan mengikut kebijaksanaan Allah yang azali yang telah meletakkan segala sesuatu

di tempatnya yang wajar dan menentukan sesuatu peristiwa pada masanya yang sesuai. Kebijaksanaan Allah mengendalikan urusan alam buana ini dengan segala isi dan penghuninya mengikut undang-undang yang ditetapkan dalam Ilmu-Nya.

Jawapan terhadap pertanyaan yang biadab itu diberikan dalam bentuk satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat, di mana mereka dapat melihat bagaimana berlakunya Qiamat itu, bukannya bilakah Qiamat itu akan berlaku?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 58)

Bagaimana Qiamat Berlaku?

مَا يَنظُرُونَ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً تَأْخُذُهُمْ وَهُمْ يَخِصِّمُونَ ﴿٤٩﴾

فَلَا يَسْتَطِيعُونَ تَوْصِيَةً وَلَا إِلَىٰ أَهْلِهِمْ يَرْجِعُونَ ﴿٥٠﴾

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَإِذَا هُم مِّنَ الْأَجْدَاثِ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يَنسِلُونَ ﴿٥١﴾

قَالُوا يَا وَيْلَنَا مَن بَعَثَنَا مِن مَّرْقَدِنَا ۜ هَٰذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَٰنُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ ﴿٥٢﴾

إِن كَانَتْ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً فَإِذَا هُمْ جَمِيعٌ لَّدَيْنَا مُحْضَرُونَ ﴿٥٣﴾

"Sebenarnya mereka hanya menunggu satu pekikan sahaja yang akan membinasakan mereka, sedangkan mereka ketika itu sedang leka bertengkar (49). Kerana itu mereka tidak sempat meninggalkan pesanan dan tidak sempat kembali mendapatkan keluarga mereka (50). Dan apabila sangkakala (kedua) ditiupkan, maka seluruh mereka mendadak keluar dari kubur-kubur mereka menuju kepada Tuhan mereka (51). Mereka berkata: Alangkah celakanya nasib kami! Siapakah yang telah membangkitkan kami dari tempat tidur kami ini? Inilah (hari) kebangkitan yang dijanjikan Tuhan Yang Maha Penyayang dan amat benarlah sekalian Rasul itu (52). Hanya dengan satu pekikan sahaja tiba-tiba seluruh mereka dihadirkan di hadapan Kami."(53)

Pendusta-pendusta itu bertanya:

مَتَىٰ هَٰذَا الْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ ﴿٤٨﴾

"Bilakah Qiamat yang dijanjikan ini jika kamu bercakap benar."(48)

Lalu dijawab dengan satu pemandangan yang amat cepat dan pantas iaitu pemandangan satu pekikan yang meragut hayat dan nyawa seluruh yang hidup:

مَا يَنظُرُونَ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً تَأْخُذُهُمْ وَهُمْ يَخِصِّمُونَ ﴿٤٩﴾

فَلَا يَسْتَطِيعُونَ تَوْصِيَةً وَلَا إِلَىٰ أَهْلِهِمْ يَرْجِعُونَ ﴿٥٠﴾

"Sebenarnya mereka hanya menunggu satu pekikan sahaja yang akan membinasakan mereka, sedangkan mereka ketika itu sedang leka bertengkar (49). Kerana itu mereka tidak sempat meninggalkan pesanan dan tidak sempat kembali mendapatkan keluarga mereka."(50)

Pekikan itu membinasakan mereka secara mendadak ketika mereka sedang asyik berbantah dan bertengkar dalam pergolakan hidup. Mereka sama sekali tidak menduga dan tidak bersedia untuk menghadapinya, tiba-tiba seluruh mereka mati dalam keadaan masing-masing. Dia tidak sempat meninggalkan apa-apa pesanan dan tidak sempat pula kembali kepada keluarganya untuk menyampaikan sepatah kata kepada mereka. Di mana mereka? Mereka juga seperti dia. Mereka semuanya mati di tempat masing-masing.

Kemudian sangkakala pun ditiupkan, tiba-tiba seluruh mereka keluar dari kubur masing-masing. Mereka berjalan tergesa-gesa dan segera. Mereka berada dalam keadaan bingung dan cemas ketakutan. Mereka tertanya-tanya:

مَن بَعَثَنَا مِن مَّرْقَدِنَا ۜ

"Siapakah yang telah membangkitkan kami dari tempat tidur kami ini?"(52)

Kemudian apabila kebingungan mereka hilang sedikit, mereka mulai menginsafi:

هَٰذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَٰنُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ ﴿٥٢﴾

"Inilah (hari) kebangkitan yang dijanjikan Tuhan Yang Rahman dan amat benarlah sekalian Rasul itu."(52)

Kemudian bergema pula satu pekikan terakhir tiba-tiba manusia yang sedang berada dalam kebingungan dan berjalan dengan langkah-langkah yang cepat dan cemas itu kembali sedar dan siuman.

فَإِذَا هُمْ جَمِيعٌ لَّدَيْنَا مُحْضَرُونَ ﴿٥٣﴾

"Tiba-tiba seluruh mereka dihadirkan di hadapan Kami." (53)

Mereka beratur dalam barisan-barisan, lalu perhimpunan pengadilan diadakan dalam sekelip mata dan sepantas bunyi gema keputusan Ilahi yang tertinggi mengenai perhimpunan, Hisab dan balasan diumumkan kepada sekalian hadiran:

فَالْيَوْمَ لَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَلَا تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٥٤﴾

"Pada hari ini setiap orang tidak akan dianiayai sedikit pun dan kamu tidak akan dibalas melainkan menurut amalan yang dilakukan kamu."(54)

Tiga pemandangan yang berlangsung dalam sekelip mata itu amat sesuai dijadikan jawapan kepada kaum Musyrikin yang meragui hari Qiamat yang dijanjikan itu.

Kemudian Al-Qur'an melangkaui cerita para Mu'minin yang menghadapi Hisab untuk terus menceritakan ni'mat-ni'mat yang diterima oleh mereka:

إِنَّ أَصْحَـٰبَ ٱلْجَنَّةِ ٱلْيَوْمَ فِى شُغُلٍ فَـٰكِهُونَ ﴿٥٥﴾
هُمْ وَأَزْوَٰجُهُمْ فِى ظِلَـٰلٍ عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ مُتَّكِـُٔونَ ﴿٥٦﴾
لَهُمْ فِيهَا فَـٰكِهَةٌ وَلَهُم مَّا يَدَّعُونَ ﴿٥٧﴾
سَلَـٰمٌ قَوْلًا مِّن رَّبٍّ رَّحِيمٍ ﴿٥٨﴾

"Sesungguhnya penduduk Syurga pada hari ini berada dalam kesibukan meni'mati pelbagai keni'matan (55). Mereka dan pasangan-pasangan mereka berada di bawah naungan yang teduh dan bersandar di atas takhta (56). Di dalam Syurga mereka dihidangkan berbagai-bagai buah-buahan dan mereka memperolehi apa sahaja yang diidami mereka (57). (Mereka menerima) ucapan selamat sejahtera dari Tuhan Yang Maha Pengasih."(58)

Mereka asyik dan sibuk meni'mati ni'mat-ni'mat yang mewah yang dikurniakan kepada mereka. Mereka berada di bawah naungan teduh yang selesa sambil menyedut bayunya yang nyaman. Mereka beristirehat di atas takhta-takhta bersama-sama isteri mereka. Mereka meni'mati buah-buahan dan segala apa yang diidami mereka. Mereka merupakan tuanpunya-tuanpunya yang dipenuhi apa sahaja permintaan mereka. Dan di samping keni'matan-keni'matan itu mereka pula diberi aluan-aluan penghormatan dan ucapan dari Tuhan mereka Yang Maha Pemurah iaitu:

سَلَـٰمٌ قَوْلًا مِّن رَّبٍّ رَّحِيمٍ ﴿٥٨﴾

"Ucapan selamat sejahtera dari Tuhan Yang Maha Pengasih."(58)

(Pentafsiran ayat-ayat 59 - 65)

Tetapi Al-Qur'an tidak melangkaui cerita orang-orang yang tidak beriman menghadapi Hisab mereka, malah ia mendedahkan keadaan mereka dengan kecaman-kecaman:

وَٱمْتَـٰزُوا۟ ٱلْيَوْمَ أَيُّهَا ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٥٩﴾
أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَـٰبَنِىٓ ءَادَمَ أَن لَّا تَعْبُدُوا۟
ٱلشَّيْطَـٰنَ ۖ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٦٠﴾
وَأَنِ ٱعْبُدُونِى ۚ هَـٰذَا صِرَٰطٌ مُّسْتَقِيمٌ ﴿٦١﴾
وَلَقَدْ أَضَلَّ مِنكُمْ جِبِلًّا كَثِيرًا ۖ أَفَلَمْ تَكُونُوا۟
تَعْقِلُونَ ﴿٦٢﴾
هَـٰذِهِۦ جَهَنَّمُ ٱلَّتِى كُنتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٦٣﴾
ٱصْلَوْهَا ٱلْيَوْمَ بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٦٤﴾

"Kemudian diperintahkan kepada mereka: Pada hari ini diasingkan diri kamu (dari orang-orang Mu'min), wahai orang-orang yang berdosa! (59) Wahai anak-anak Adam! Tidakkah Aku telah perintah kepada kamu supaya kamu jangan menyembah syaitan? Kerana syaitan itu musuh kamu yang amat nyata (60). Dan supaya kamu menyembah-Ku. Inilah jalan yang lurus (61). Dan sesungguhnya syaitan itu telah menyesatkan sebilangan yang amat ramai dari kamu. Apakah tidak kamu berfikir? (62) (Kemudian mereka ditunjukkan): Inilah Neraka Jahannam yang telah diancamkan kepada kamu (63). Rasakanlah bakarannya pada hari ini dengan sebab kekufuran yang dilakukan kamu."(64)

Mereka menerima penghinaan:

وَٱمْتَـٰزُوا۟ ٱلْيَوْمَ أَيُّهَا ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٥٩﴾

"Pada hari ini asingkan diri kamu (dari orang-orang Mu'min)."(59)

Yakni asingkan diri kamu jauh-jauh dari mereka:

أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَـٰبَنِىٓ ءَادَمَ أَن لَّا تَعْبُدُوا۟
ٱلشَّيْطَـٰنَ ۖ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٦٠﴾

"Wahai, anak-anak Adam! Tidakkah aku telah perintah kepada kamu supaya kamu jangan menyembah syaitan, kerana syaitan itu musuh kamu yang amat nyata."(60)

Mereka diseru di sini dengan nama **"anak-anak Adam"** dan seruan Yang sedemikian mengandungi kecaman yang amat pedas, kerana syaitan telah pun mengeluarkan moyang mereka Adam dari Syurga, kemudian mereka masih lagi menyembahkannya, sedangkan dia musuh ketat mereka.

وَأَنِ ٱعْبُدُونِى ۚ هَـٰذَا صِرَٰطٌ مُّسْتَقِيمٌ ﴿٦١﴾

"Dan supaya kamu menyembah-Ku. Inilah jalan yang lurus."(61)

Yakni jalan lurus yang menyampaikan kepada-Ku dan membawa kepada keredhaan-Ku. Mengapakah kamu tidak berwaspada terhadap musuh kamu yang telah menyesatkan generasi-generasi kamu yang begitu banyak:

وَلَقَدْ أَضَلَّ مِنكُمْ جِبِلًّا كَثِيرًا ۖ أَفَلَمْ تَكُونُوا۟
تَعْقِلُونَ ﴿٦٢﴾

"Dan sesungguhnya syaitan itu telah menyesatkan sebilangan yang amat ramai dari kamu. Apakah tidak kamu berfikir?"(62)

Pada penghabisan perhimpunan yang amat dahsyat dan amat menghinakan itu diumumkan hukuman yang amat pedih Yang diiringi dengan ejekan dan penghinaan:

هَٰذِهِۦ جَهَنَّمُ ٱلَّتِي كُنتُمۡ تُوعَدُونَ ٦٣

ٱصۡلَوۡهَا ٱلۡيَوۡمَ بِمَا كُنتُمۡ تَكۡفُرُونَ ٦٤

"(Kemudian mereka ditunjukkan): Inilah Neraka Jahannam yang telah diancamkan kepada kamu (63). Rasakanlah bakarannya pada hari ini dengan sebab kekufuran yang dilakukan kamu."(64)

Tetapi pemandangan itu tidak terhenti setakat ini, malah ia terus berpindah kepada satu pemandangan baru yang menakjubkan:

ٱلۡيَوۡمَ نَخۡتِمُ عَلَىٰٓ أَفۡوَٰهِهِمۡ وَتُكَلِّمُنَآ أَيۡدِيهِمۡ وَتَشۡهَدُ

أَرۡجُلُهُم بِمَا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ٦٥

"Pada hari ini Kami tutupkan mulut mereka dan membiarkan tangan mereka memberi keterangan kepada Kami dan membiarkan kaki mereka menjadi saksi terhadap segala apa yang dilakukan mereka."(65)

Demikianlah mereka mengecewakan satu sama lain. Anggota-anggota tubuh badan mereka turut menjadi saksi di atas dosa-dosa yang dilakukan mereka. Syakhsiyah mereka tercaing-caing dan mendustakan satu sama lain. Setiap anggota tubuh badan mereka kembali kepada Allah dengan sendiri dan menyerah diri kepada-Nya.

Ini adalah satu pemandangan yang amat mena'jub dan menakutkan setiap hati.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 66 - 67)

Demikianlah berakhirnya pemandangan itu, di mana lidah mereka tersimpul kelu, tangan mereka bercakap dan kaki mereka menjadi saksi. Semuanya berlaku di luar kebiasaan dan di luar dugaan mereka. Dan andainya Allah kehendaki, Dia berkuasa menimpakan apa sahaja bala ke atas mereka, dan di sini Al-Qur'an menyebut dua jenis bala yang jika Allah kehendaki Dia berkuasa melakukannya ke atas siapa sahaja yang dikehendaki-Nya:

وَلَوۡ نَشَآءُ لَطَمَسۡنَا عَلَىٰٓ أَعۡيُنِهِمۡ فَٱسۡتَبَقُواْ ٱلصِّرَٰطَ

فَأَنَّىٰ يُبۡصِرُونَ ٦٦

وَلَوۡ نَشَآءُ لَمَسَخۡنَٰهُمۡ عَلَىٰ مَكَانَتِهِمۡ فَمَا

ٱسۡتَطَٰعُواْ مُضِيّٗا وَلَا يَرۡجِعُونَ ٦٧

"(Pada hari ini) jika Kami kehendaki, Kami boleh menghapuskan penglihatan mereka dan menyebabkan mereka (lintang-pukang) berlumba-lumba menyeberangi Sirat. Bagaimana mungkin mereka dapat melihat? (66) Dan jika Kami kehendaki Kami boleh ubahkan mereka menjadi kaku dan terpaku di tempat mereka dan kerana itu mereka tidak dapat mara ke depan dan pulang ke belakang."(67)

Kedua-dua pemandangan ini menggambarkan bala dan penghinaan terhadap orang-orang kafir yang mendusta dan mengejek-ngejek dengan pertanyaan mereka:

مَتَىٰ هَٰذَا ٱلۡوَعۡدُ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ٤٨

"Bilakah Qiamat yang dijanjikan ini jika kamu bercakap benar?"(48)

Di dalam pemandangan pertama mereka merupakan sekumpulan orang buta yang berebut-rebut menerpa ke arah Sirat dan berasak-asak untuk menyeberanginya. Mereka kelihatan meraba-raba dan simpang siur dalam perlumbaan itu persis seperti orang-orang buta yang berlumba. Mereka jatuh dan rebah persis seperti rebahnya orang-orang yang buta yang berebut-rebut dan berjalan cepat:

فَأَنَّىٰ يُبۡصِرُونَ ٦٦

"Bagaimana mungkin mereka dapat melihat?"(66)

Di dalam pemandangan yang kedua mereka kelihatan seperti terpaku secara mendadak di tempat mereka. Mereka berubah menjadi patung-patung yang tidak dapat maju ke depan atau mundur ke belakang, sedangkan baru sekejap tadi mereka merupakan sekumpulan orang-orang buta yang berlumba-lumba simpang siur.

Di dalam kedua-dua pemandangan itu mereka kelihatan seperti anak-anak patung atau alat-alat mainan yang berada dalam keadaan yang lucu, sedangkan sebelum ini mereka memperkecil dan mengejek hari Qiamat yang dijanjikan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 68)

Semua peristiwa ini akan berlaku apabila tiba masa Qiamat yang telah dipinta mereka supaya disegerakannya itu. Tetapi andainya mereka masih berada di bumi dan dilanjutkan usianya dan masa Qiamat telah ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang tertentu, maka mereka juga lambat laun akan menerima nasib, yang buruk, mereka akan menjadi tua bangka, nyanyuk dan kembali kepada keadaan kebudak-budakan sama ada di dalam perasaan dan pemikiran mereka.

وَمَن نُّعَمِّرۡهُ نُنَكِّسۡهُ فِي ٱلۡخَلۡقِۚ أَفَلَا يَعۡقِلُونَ ٦٨

"Dan siapa yang Kami panjangkan umurnya, Kami akan kembalikannya semula kepada keadaannya di zaman kecil. Apakah tidak mereka berfikir?"(68)

Umur tua bangka merupakan peringkat umur kembali semula ke peringkat umur kanak-kanak,

tanpa rupa paras kanak-kanak dan tanpa kemurnian dan kejujurannya yang menarik. Orang yang tua terus berundur ke belakang. Dia lupa apa yang telah diketahuinya. Urat sarafnya semakin lemah, fikirannya semakin lembab dan ketahanannya semakin merosot dan akhirnya dia kembali menjadi kanak-kanak, tetapi keteloran kanak-kanak disukai orang dan setiap ketololannya disenangi hati dan membuat mukanya tersenyum, tetapi keadaan itu pada orang tua tidak disukai orang. Kesalahannya tidak dimaaf melainkan kerana kasihan belas kepadanya. Dia menjadi bahan ejekan apabila dia memperlihatkan kelakuan kebudakan atau menunjukkan ketololan sedangkan belakangnya telah bongkok.

Akibat yang seperti ini sama dengan akibat Qiamat, kedua-duanya menunggu para pendusta yang tidak dimuliakan Allah dengan ni'mat keimanan.

* * * * * *

(Kumpulan ayat-ayat 69 - 83)

وَمَا عَلَّمْنَٰهُ ٱلشِّعْرَ وَمَا يَنۢبَغِى لَهُۥٓ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْءَانٌ مُّبِينٌ ﴿٦٩﴾

لِّيُنذِرَ مَن كَانَ حَيًّا وَيَحِقَّ ٱلْقَوْلُ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧٠﴾

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا خَلَقْنَا لَهُم مِّمَّا عَمِلَتْ أَيْدِينَآ أَنْعَٰمًا فَهُمْ لَهَا مَٰلِكُونَ ﴿٧١﴾

وَذَلَّلْنَٰهَا لَهُمْ فَمِنْهَا رَكُوبُهُمْ وَمِنْهَا يَأْكُلُونَ ﴿٧٢﴾

وَلَهُمْ فِيهَا مَنَٰفِعُ وَمَشَارِبُ ۖ أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾

وَٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ ءَالِهَةً لَّعَلَّهُمْ يُنصَرُونَ ﴿٧٤﴾

لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَهُمْ وَهُمْ لَهُمْ جُندٌ مُّحْضَرُونَ ﴿٧٥﴾

فَلَا يَحْزُنكَ قَوْلُهُمْ ۘ إِنَّا نَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٧٦﴾

أَوَلَمْ يَرَ ٱلْإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقْنَٰهُ مِن نُّطْفَةٍ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٌ مُّبِينٌ ﴿٧٧﴾

وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِىَ خَلْقَهُۥ ۖ قَالَ مَن يُحْىِ ٱلْعِظَٰمَ وَهِىَ رَمِيمٌ ﴿٧٨﴾

قُلْ يُحْيِيهَا ٱلَّذِىٓ أَنشَأَهَآ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ ﴿٧٩﴾

ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُم مِّنَ ٱلشَّجَرِ ٱلْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَآ أَنتُم مِّنْهُ تُوقِدُونَ ﴿٨٠﴾

أَوَلَيْسَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يَخْلُقَ مِثْلَهُم ۚ بَلَىٰ وَهُوَ ٱلْخَلَّٰقُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٨١﴾

إِنَّمَآ أَمْرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيْـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

فَسُبْحَٰنَ ٱلَّذِى بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَىْءٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Dan Kami tidak pernah mengajarkan syair kepadanya dan memang syair itu tidak sesuai dengannya. Apa yang dibacakannya tidak lain melainkan suatu peringatan dan kitab bacaan yang amat jelas (69). Supaya dia memberi peringatan kepada orang yang hidup hati nuraninya dan supaya terlaksana keputusan ('azab) ke atas orang-orang kafir (70). Tidakkah mereka melihat bahawa Kami telah menciptakan untuk mereka binatang ternakan yang dibuat oleh tangan qudrat Kami, maka kerana itu mereka dapat menjadi pemiliknya?(71). Dan Kami jinakkan binatang-binatang ternakan itu untuk kegunaan mereka. Sebahagian darinya menjadi kenderaan mereka dan sebahagian lagi menjadi bahan makanan yang dimakan mereka (72). Dan mereka memperolehi berbagai-bagai faedah darinya dan berbagai-bagai jenis minuman. Mengapakah mereka tidak bersyukur? (73) Dan mereka menyembah tuhan-tuhan selain dari Allah dengan harapan mereka diberi pertolongan (74). (Tetapi) tuhan-tuhan itu tidak berkuasa menolong mereka, sedangkan merekalah tentera-tentera yang disediakan untuk mempertahankan tuhan-tuhan itu (75). Oleh itu janganlah engkau berdukacita dengan sebab cemuhan mereka. Sesungguhnya Kami mengetahui apa yang disembunyi dan apa yang dinyatakan mereka (76). Tidakkah manusia berfikir bahawa Kami telah ciptakannya dari setitis nutfah, tiba-tiba ia menjadi musuh yang amat terang (77). Dan dia telah membuat satu perbandingan, sedangkan dia sendiri lupakan asal kejadiannya. Dia berkata: Siapakah yang berkuasa menghidupkan tulang-temalang yang lelah reput dan hancur itu?(78). Katakanlah: Yang berkuasa menghidupkannya ialah Tuhan yang telah berkuasa menciptakannya pada permulaan kali, dan Dialah Tuhan Yang Maha Mengetahui segala makhluk ciptaan-Nya (79). Dialah Tuhan yang telah menciptakan untuk kamu api dari pokok yang hijau dan dari pokok itu kamu nyalakan api (80). Tidakkah Tuhan yang telah berkuasa menjadikan langit dan bumi itu berkuasa pula untuk menjadikan kembali makhluk-makhluk seperti mereka. Sebenarnya Dia berkuasa berbuat demikian dan Dialah Tuhan Yang Maha Pencipta dan Maha Mengetahui (81). Sesungguhnya cara penciptaan Allah itu ialah apabila Dia

mahu menjadikan sesuatu Dia hanya berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia terus jadi (82). Maka Maha Sucilah Allah yang memegang kerajaan (yang mengendalikan) segala sesuatu dan seluruh kamu akan dipulangkan kepada-Nya."(83)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Bahagian akhir ini menyentuh segala persoalan yang dibicarakan oleh surah ini iaitu persoalan wahyu dan sifat-sifatnya, persoalan Uluhiyah dan Wahdaniyah dan persoalan kebangkitan selepas mati. Semuanya disentuh dalam ayat-ayat yang terperinci dan disertakan dengan bukti-bukti yang amat kuat dan mempunyai nada-nada yang amat mendalam. Seluruh bukti-bukti itu adalah bertujuan untuk menonjolkan tangan qudrat Ilahi yang mencipta dan melaksanakan segala sesuatu di alam buana ini dan memegang teraju segala urusan, kemudian pengertian ini difokuskan dalam sepotong ayat yang mengakhiri surah ini:

فَسُبْحَٰنَ ٱلَّذِى بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَىْءٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ٨٣

"Maka Maha Sucilah Allah yang memegang kerajaan (yang mengendalikan) segala sesuatu dan seluruh kamu akan dipulangkan kepada-Nya."(83)

Tangan qudrat Ilahi yang berkuasa inilah yang telah menciptakan binatang-binatang ternakan untuk manusia dan menjinakkannya untuk kegunaan mereka. Dialah yang telah menciptakan manusia dari nutfah. Dialah yang menghidupkan kembali tulang temalang yang reput persis seperti menciptakannya pada permulaan kali. Dialah yang telah menjadikan api dari pokok yang hijau dan menciptakan langit dan bumi dengan indahnya, dan pada akhirnya Dialah yang memiliki dan menguasai segala sesuatu di alam buana ini. Sekianlah intisari bahagian ini.

وَمَا عَلَّمْنَٰهُ ٱلشِّعْرَ وَمَا يَنۢبَغِى لَهُۥٓ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْءَانٌ مُّبِينٌ ٦٩
لِّيُنذِرَ مَن كَانَ حَيًّا وَيَحِقَّ ٱلْقَوْلُ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ٧٠

"Dan Kami tidak pernah mengajarkan syair kepadanya dan memang syair itu tidak sesuai dengannya. Apa yang dibacakannya tidak lain melainkan suatu peringatan dan kitab bacaan yang amat jelas (69). Supaya dia memberi peringatan kepada orang yang hidup hati nuraninya dan supaya terlaksana keputusan ('azab) ke atas orang-orang kafir."(70)

Persoalan wahyu telah pun disebut pada awal surah:

يسٓ ١
وَٱلْقُرْءَانِ ٱلْحَكِيمِ ٢
إِنَّكَ لَمِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ٣
عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ٤
تَنزِيلَ ٱلْعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ ٥
لِتُنذِرَ قَوْمًا مَّآ أُنذِرَ ءَابَآؤُهُمْ فَهُمْ غَٰفِلُونَ ٦

"Yaa, Siin (1). Demi Al-Qur'an yang amat bijaksana (2). Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah dari golongan para rasul (3). Yang mengikut jalan yang lurus (4). Al-Qur'an itu diturun oleh Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih (5). Supaya engkau memberi peringatan kepada satu kaum yang datuk nenek mereka tidak pernah diberikan peringatan, kerana itulah mereka lalai."(6)

Di Antara Al-Qur'an Dan Sajak

Dan kini persoalan itu disebut pula dalam bentuk ini untuk menjawab dakwaan setengah-setengah kaum Musyrikin yang menyifatkan Nabi s.a.w. sebagai seorang penyair dan menyifatkan ayat-ayat Al-Qur'an yang dibawa oleh beliau sebagai syair. Pembesar-pembesar Quraysy memang sedar bahawa hakikat yang sebenar bukannya begitu. Mereka juga sedar bahawa perkataan-perkataan Al-Qur'an yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. itu adalah perkataan-perkataan yang luar biasa di dalam bahasa mereka. Mereka bukannya begitu bodoh hingga tidak dapat membezakan di antara Al-Qur'an dan syair, malah dakwaan-dakwaan mereka adalah sebenarnya merupakan sebahagian dari perang di'ayah di kalangan orang ramai yang dilancarkan mereka ke atas agama yang baru dan ke atas Rasulullah s.a.w. yang membawa agama itu. Di'ayah itu dibuat dengan alasan, susunan ayat-ayat Al-Qur'an itu sangat indah dan menarik dan dengan alasan ini boleh membuat orang ramai terkeliru di antara susunan ayat-ayat Al-Qur'an dengan susunan kata-kata syair.

Di dalam ayat ini Allah S.W.T. menafikan dengan tegas bahawa dia telah mengajar syair kepada Rasulullah s.a.w. Dan jika Allah tidak mengajarnya, maka sudah tentu beliau tidak akan tahu, kerana seseorang rasul itu tidak mengetahui sesuatu melainkan apa yang diajarkan Allah kepadanya.

Kemudian Allah S W.T. menafikan pula kesesuaian sya'ir dengan Rasulullah s.a.w.:

وَمَا يَنۢبَغِى لَهُۥٓ ۚ

"Dan memang syair itu tidak sesuai dengannya"(69)

kerana syair mempunyai methodologi yang berlain-lainan dari methodologi nubuwah. Syair itu ialah perasaan yang terharu (emosi) atau pengungkapan dari perasaan yang terharu, sedangkan perasaan itu berubah-ubah dari satu keadaan kepada satu keadaan. Tetapi nubuwah ialah wahyu yang berlandaskan satu methodologi yang tetap dan jalan yang lurus, mengikut undang-undang Allah yang tetap yang mengendalikan seluruh alam buana. Ia tidak berubah-ubah mengikut hawa nafsu seperti syair yang berubah-ubah mengikut berbagai-bagai

cetusan emosi yang tidak pernah tetap di atas satu keadaan.

Nubuwah merupakan komunikasi yang berkekalan dengan Allah dan penerimaan wahyu secara langsung dari Allah dan usaha yang berterusan untuk mengembalikan hayat kepada Allah. Sementara syair dalam bentuknya yang paling tinggi merupakan kerinduan-kerinduan dan kecintaan-kecintaan insaniah kepada keindahan dan kesempurnaan, iaitu kerinduan-kerinduan yang bercampuraduk dengan kelemahan-kelemahan manusia dan dengan kefahaman-kefahamannya yang terbatas dengan batas-batas daya akal fikirannya dan bakat-bakat kebolehannya. Tetapi apabila syair itu menurun dari bentuk-bentuknya yang tinggi, maka ia merupakan emosi-emosi dan keinginan-keinginan nafsu yang kadang-kadang jatuh ke tahap jeritan jasad dan keinginan darah daging yang berkobar-kobar. Di sini jelaslah bahawa tabi'at nubuwah dan tabi'at syair itu berlainan dari akar umbinya lagi. Tabi'at syair dalam bentuknya yang paling tinggi merupakan kerinduan-kerinduan yang naik dari bumi, sedangkan tabi'at nubuwah merupakan hidayat yang turun dari langit.

إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْآنٌ مُّبِينٌ (٦٩)

"Apa yang dibacakannya tidak lain melainkan suatu peringatan dan kitab bacaan yang amat jelas."(69)

Peringatan dan bacaan merupakan dua sifat bagi wahyu Allah. Ia merupakan peringatan apabila dilihat dari segi fungsinya dan merupakan peringatan terhadap Allah apabila dilihat dari segi ia dibaca. Jadi, wahyu itu adalah bacaan supaya hati manusia sentiasa mengingati Allah dan ia juga kitab bacaan yang dibaca oleh lidah. Ia diturunkan untuk melaksanakan satu tugas yang telah digariskan dengan jelas:

Siapakah Manusia Yang Hidup Dan Manusia Yang Mati

لِّيُنذِرَ مَن كَانَ حَيًّا وَيَحِقَّ الْقَوْلُ عَلَى الْكَافِرِينَ (٧٠)

"Supaya dia memberi peringatan kepada orang yang hidup hati nuraninya dan supaya terlaksana keputusan ('azab) ke atas orang-orang kafir."(70)

Al-Qur'an meletakkan kekufuran sebagai lawan kepada hayat. Ia menjadikan kekufuran itu sebagai maut dan menjadikan kesediaan hati untuk beriman itu sebagai hayat.

Ayat ini menerangkan fungsi Al-Qur'an, iaitu ia diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau memberi peringatan kepada orang yang mempunyai hayat supaya peringatan itu berguna kepada mereka. Adapun orang-orang yang kafir mereka adalah orang-orang yang mati yang tidak dapat mendengar peringatan, maka fungsi Al-Qur'an kepada mereka ialah merakamkan kewajaran mereka menerima balasan 'azab, kerana Allah tidak mengazabkan seseorang sehingga da'wah Rasul itu sampai kepadanya, kemudian dia ingkarkannya setelah diterangkan dengan bukti-bukti yang jelas, dan mati begitu tanpa alasan dan kemaafan.

Demikianlah manusia dapat mengetahui (dari penjelasan ayat ini) bahawa di sana ada dua golongan dari mereka yang menentukan sikapnya terhadap Al-Qur'an. Satu golongan menyambut Al-Qur'an. Merekalah golongan manusia yang hidup. Dan satu golongan lagi tidak menyambut Al-Qur'an. Merekalah golongan manusia yang mati, dan golongan ini tahu bahawa keputusan 'azab telah pun ditetapkan Allah ke atas mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 71 - 76)

Pembicaraan yang kedua bahagian ini ialah mengemukakan persoalan Uluhiyah dan Wahdaniyah dalam ruang lingkup pemandangan yang menggambarkan kehidupan kaum Musyrikin yang mendapat berbagai-bagai ni'mat Allah, namun demikian mereka tidak bersyukur kepadanya:

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا خَلَقْنَا لَهُم مِّمَّا عَمِلَتْ أَيْدِينَا أَنْعَامًا فَهُمْ لَهَا مَالِكُونَ (٧١)

وَذَلَّلْنَاهَا لَهُمْ فَمِنْهَا رَكُوبُهُمْ وَمِنْهَا يَأْكُلُونَ (٧٢)

وَلَهُمْ فِيهَا مَنَافِعُ وَمَشَارِبُ ۖ أَفَلَا يَشْكُرُونَ (٧٣)

وَاتَّخَذُوا مِن دُونِ اللَّهِ آلِهَةً لَّعَلَّهُمْ يُنصَرُونَ (٧٤)

لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَهُمْ وَهُمْ لَهُمْ جُندٌ مُّحْضَرُونَ (٧٥)

فَلَا يَحْزُنكَ قَوْلُهُمْ ۘ إِنَّا نَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ (٧٦)

"Tidakkah mereka melihat bahawa Kami telah menciptakan untuk mereka binatang ternakan yang dibuat oleh tangan qudrat Kami, maka kerana itu mereka dapat menjadi pemiliknya? (71) Dan Kami jinakkan binatang-binatang ternakan itu untuk kegunaan mereka. Sebahagian darinya menjadi kenderaan mereka dan sebahagian lagi menjadi bahan makanan yang dimakan mereka (72). Dan mereka memperolehi berbagai-bagai faedah darinya dan berbagai-bagai jenis minuman. Mengapakah mereka tidak bersyukur? (73) Dan mereka menyembah tuhan-tuhan selain dari Allah dengan harapan mereka diberi pertolongan (74). (Tetapi) tuhan-tuhan itu tidak berkuasa menolong mereka, sedangkan merekalah tentera-tentera yang disediakan untuk mempertahankan tuhan-tuhan itu (75). Oleh itu janganlah engkau berdukacita dengan sebab cemuhan mereka. Sesungguhnya Kami mengetahui apa yang disembunyi dan apa yang dinyatakan mereka." (76)

Ni'mat Binatang Ternakan

Tidakkah mereka melihat? Bukti-bukti kekuasaan Allah itu terbentang jelas di hadapan mereka. Bukti-bukti itu bukannya perkara ghaib dan bukannya pula jauh, malah ia bukannya pula sulit dan samar-samar yang memerlukan kepada renungan dan fikiran yang teliti. Bukti-bukti itu ialah binatang-binatang ternakan yang telah diciptakan Allah untuk mereka dan menjadikannya sebagai harta milik mereka. Allah telah menjinakkan binatang-binatang itu supaya mudah mereka menunggangkannya, memakan dagingnya dan minum susunya di samping mengambil berbagai-bagai manfa'at yang lain. Semuanya itu adalah dengan qudrat dan tadbir Allah yang telah melengkapkan manusia dan binatang-binatang ternakan itu dengan ciri-ciri yang tertentu, iaitu Dia jadikan manusia berkemampuan menjinak, mengguna dan mengambil faedah dari binatang-binatang itu dan menjadikan binatang ternakan itu mudah dijinak dan banyak manfa'atnya yang dapat memenuhi berbagai-bagai keperluan manusia, sedangkan manusia tidak berkuasa membuat sesuatu apa pun. Mereka tidak berkuasa menciptakan seekor lalat walaupun mereka berpakat beramai-ramai dan mereka tidak berkuasa menjinakkan seekor lalat yang tidak dilengkapkan Allah dengan sifat-sifat yang menjadikannya jinak dan mudah digunakan mereka.

أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾

"Mengapakah mereka tidak bersyukur?"(73)

Apabila seseorang itu melihat persoalan itu dengan kacamata ini dan dengan sorotan Al-Qur'anul-Karim ini, maka dia akan terus merasa bahawa dia diselubungi ni'mat-ni'mat, Allah yang melimpah-ruah, yang wujud pada segala sesuatu di sekelilingnya. Setiap kali dia menunggang kenderaannya atau setiap kali dia makan sepotong daging atau minum seteguk susu atau meni'mati minyak sapi atau sekeping keju atau setiap kali dia memakai baju dari bulu-bulu binatang ternakan atau lain-lain lagi, maka semua perbuatan itu menimbulkan kesedaran yang membuat hatinya merasa kewujudan Allah Pencipta serta rahmat dan ni'mat-Nya. Kesedaran itu akan terus wujud pada setiap benda di sekelilingnya yang disentuh oleh tangannya dan pada setiap kejadian yang digunakannya di alam ini sama ada kejadian yang hidup atau pepejal yang tidak hidup. Dan seluruh kegiatan hidupnya merupakan tasbih, tahmid dan ibadat kepada Allah malam dan siang.

Tetapi manusia tidak bersyukur dan di antara mereka ada yang tergamak menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah:

Tuhan-tuhan Palsu Yang Disembah Manusia

وَاتَّخَذُوا مِن دُونِ اللَّهِ آلِهَةً لَّعَلَّهُمْ يُنصَرُونَ ﴿٧٤﴾ لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَهُمْ وَهُمْ لَهُمْ جُندٌ مُّحْضَرُونَ ﴿٧٥﴾

"Dan mereka menyembah tuhan-tuhan selain dari Allah dengan harapan mereka diberi pertolongan (74). (Tetapi) tuhan-tuhan itu tidak berkuasa menolong mereka, sedangkan merekalah tentera-tentera yang disediakan untuk mempertahankan tuhan-tuhan itu."(75)

Di zaman dahulu tuhan-tuhan yang disembahkan itu berupa patung-patung dan berhala-berhala atau berupa pokok-pokok atau bintang-bintang atau berupa, malaikat atau jin. Agama-agama menyembah berhala masih tetap hidup di setengah-setengah negeri di dunia ini, tetapi orang-orang yang tidak menyembah berhala-berhala ini pun masih belum bersih tauhid mereka kepada Allah. Kadang-kadang perbuatan syirik mereka pada hari ini dapat dilihat dalam kepercayaan mereka kepada kuasa-kuasa palsu selain dari kuasa Allah, juga dapat dilihat dalam pergantungan mereka kepada sandaran-sandaran yang lain dari Allah. Perbuatan syirik itu beranekaragam. Ia berlain-lainan mengikut perbezaan masa dan tempat.

Mereka menyembah tuhan-tuhan palsu itu dengan tujuan untuk mendapatkan pertolongan, sedangkan mereka sendiri yang melindungi tuhan-tuhan itu dari dicerobohi orang atau ditimpa bahaya. Merekalah tentera-tentera dan pelindung-pelindung yang bersedia untuk menolong tuhan-tuhan itu:

وَهُمْ لَهُمْ جُندٌ مُّحْضَرُونَ ﴿٧٥﴾

"Sedangkan merekalah tentera-tentera yang disediakan untuk mempertahankan tuhan-tuhan itu."(75)

Inilah kemuncak kebodohan cara berfikir. Orang-orang yang menyembah pemerintah-pemerintah yang zalim dan sewenang-wenang pada hari ini juga tidak begitu jauh sifatnya dari penyembah-penyembah berhala. Mereka merupakan bala tentera kepada pemerintah-pemerintah yang zalim itu. Merekalah yang mempertahankan keselamatan mereka dan melindungi kezaliman mereka dan dalam waktu yang sama mereka tunduk menyembah mereka.

Agama menyembah berhala itu tetap menyembah berhala di dalam berbagai-bagai bentuknya. Apabila 'aqidah tauhid yang bersih itu bergoyang, maka tibalah amalan menyembah berhala, tibalah amalan syirik dan tibalah amalan jahiliyah. Umat manusia tidak terselamat melainkan dengan 'aqidah tauhid yang bersih yang bertuhankan Allah Yang Tunggal, menyembah Allah Yang Tunggal, bertawajjuh dan bergantung kepada Allah Yang Tunggal, ta'at dan membesarkan Allah Yang Tunggal.

فَلَا يَحْزُنكَ قَوْلُهُمْ إِنَّا نَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٧٦﴾

"Oleh itu janganlah engkau berdukacita dengan sebab cemuhan mereka. Sesungguhnya Kami mengetahui apa yang disembunyi dan apa yang dinyatakan mereka."(76)

Firman ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. yang sedang menghadapi orang-orang yang menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah, orang-orang yang

tidak bersyukur dan mengingati Allah supaya hati beliau tenang menghadapi mereka. Mereka sentiasa terdedah kepada ilmu Allah. Dan segala apa sahaja yang dirancangkan mereka dan yang dimiliki mereka adalah di dalam perhatian Allah. Tiada sebarang kebimbangan terhadap Rasulullah s.a.w. dari tindakan-tindakan mereka kerana segala gerak-geri mereka terdedah kepada qudrat kuasa Allah yang mengetahui segala keadaan mereka.

Dengan ini kecillah kedudukan mereka. Dan mereka tidak lagi merupakan satu bahaya yang ditakuti oleh orang Mu'min yang bergantung kepada Allah, kerana dia tahu bahawa Allah mengetahui segala apa yang disembunyi dan yang dizahirkan mereka dan dia tahu bahawa mereka berada dalam genggaman kekuasaan Allah dan di bawah perhatian-Nya tanpa disedari mereka.

Pembicaraan yang ketiga bahagian yang akhir ini memperkatakan persoalan kebangkitan selepas mati:

(Pentafsiran ayat-ayat 77 - 82)

أَوَلَمْ يَرَ ٱلْإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقْنَٰهُ مِن نُّطْفَةٍ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٌ مُّبِينٌ ٧٧

وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِىَ خَلْقَهُۥ ۖ قَالَ مَن يُحْىِ ٱلْعِظَٰمَ وَهِىَ رَمِيمٌ ٧٨

قُلْ يُحْيِيهَا ٱلَّذِىٓ أَنشَأَهَآ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ ٧٩

ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُم مِّنَ ٱلشَّجَرِ ٱلْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَآ أَنتُم مِّنْهُ تُوقِدُونَ ٨٠

أَوَلَيْسَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يَخْلُقَ مِثْلَهُم ۚ بَلَىٰ وَهُوَ ٱلْخَلَّٰقُ ٱلْعَلِيمُ ٨١

إِنَّمَآ أَمْرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيْـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ٨٢

"Tidakkah manusia berfikir bahawa Kami telah ciptakannya dari setitis nutfah, tiba-tiba ia menjadi musuh yang amat terang (77). Dan dia telah membuat satu perbandingan, sedangkan dia sendiri lupakan asal kejadiannya. Dia berkata: Siapakah yang berkuasa menghidupkan tulang-temalang yang lelah reput dan hancur itu?(78). Katakanlah: Yang berkuasa menghidupkannya ialah Tuhan yang telah berkuasa menciptakannya pada permulaan kali, dan Dialah Tuhan Yang Maha Mengetahui segala makhluk ciptaan-Nya (79). Dialah Tuhan yang telah menciptakan untuk kamu api dari pokok yang hijau dan dari pokok itu kamu nyalakan api (80). Tidakkah Tuhan yang telah berkuasa menjadikan langit dan bumi itu berkuasa pula untuk menjadikan kembali makhluk-makhluk seperti mereka. Sebenarnya Dia berkuasa berbuat demikian dan Dialah Tuhan Yang Maha Pencipta dan Maha Mengetahui (81). Sesungguhnya cara penciptaan Allah itu ialah apabila Dia mahu menjadikan sesuatu Dia hanya berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia terus jadi."(82)

Bahagian ini dimulakan dengan membawa manusia berdepan dengan realiti kejadian dirinya sendiri, iaitu realiti yang menggambarkan asal-usul dan kesudahan kejadiannya, realiti yang dilihat dengan mata kepala dan hatinya berulang-ulang kali tanpa menyedari maknanya dan tanpa mengambilkannya sebagai bukti, betapa benarnya janji Allah yang akan membangkitkan manusia kembali selepas matinya.

أَوَلَمْ يَرَ ٱلْإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقْنَٰهُ مِن نُّطْفَةٍ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٌ مُّبِينٌ ٧٧

"Tidakkah manusia berfikir bahawa Kami telah ciptakannya dari setitis nutfah, tiba-tiba ia menjadi musuh yang amat terang."(77)

Manusia Yang Lupa Asal Kejadiannya Mencabar Allah

Apakah nutfah yang menjadi asal-usul manusia? Itulah setitis air mani yang hina, yang tidak mempunyai daya dan nilai. Itulah setitis air mani yang mengandungi ribuan sel. Satu sel dari ribuan sel inilah yang menjadi seorang bayi kemudian bayi ini menjadi manusia yang menyangkal dan melawan Tuhannya dengan mencabar dan meminta bukti dan dalil.

Qudrat Ilahilah yang menciptakan manusia musuh yang terang itu dari nutfah ini. Alangkah jauhnya perpindahan dan transformasi di antara asal mula kejadiannya dengan titik kesudahannya. Adakah manusia merasa begitu besar dan sukar kepada qudrat Ilahi untuk menghidupkannya kembali setelah ia mati dan hancur reput kelak?

وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِىَ خَلْقَهُۥ ۖ قَالَ مَن يُحْىِ ٱلْعِظَٰمَ وَهِىَ رَمِيمٌ ٧٨

قُلْ يُحْيِيهَا ٱلَّذِىٓ أَنشَأَهَآ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ ٧٩

"Dan dia telah membuat satu perbandingan, sedangkan dia sendiri lupakan asal kejadiannya. Dia berkata: Siapakah yang berkuasa menghidupkan tulang-temalang yang telah reput dan hancur itu? (78) Katakanlah: Yang berkuasa menghidupkannya ialah Tuhan yang telah berkuasa menciptakannya pada permulaan kali, dan Dialah Tuhan Yang Maha Mengetahui segala makhluk ciptaan-Nya."(79)

Alangkah mudah jawapannya. Itulah logik fitrah dan logik realiti yang dekat dan dapat dilihat.

Apakah nutfah itu mempunyai daya hidup atau qudrat atau nilai yang melebihi tulang-temalang yang reput hancur itu? Tidakkah tulang-temalang itu juga berasal dari nutfah yang membentuk manusia pada permulaan kali? Tidakkah Tuhan yang telah mengubahkan nutfah menjadi seorang manusia itu berkuasa pula mengubahkan tulang temalang yang reput itu menjadi seorang manusia yang hidup dan baru?

Persoalan ini begitu mudah dan terang. Ia tidak memerlukan kepada pertanyaan dan perdebatan yang panjang lebar:

قُلْ يُحْيِيهَا ٱلَّذِىٓ أَنشَأَهَآ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ ﴿٧٩﴾

"Katakanlah: Yang berkuasa menghidupkannya ialah Tuhan yang telah berkuasa menciptakannya pada permulaan kali, dan Dialah Tuhan Yang Maha Mengetahui segala makhluk ciptaannya."(79)

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan lebih terang lagi tentang sifat qudrat Ilahi yang menciptakan itu dan bagaimana qudrat itu bertindak pada kejadian-kejadian yang berlaku di hadapan mata mereka, dari bahan-bahan yang dimiliki mereka.

ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُم مِّنَ ٱلشَّجَرِ ٱلْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَآ أَنتُم مِّنْهُ تُوقِدُونَ ﴿٨٠﴾

"Dialah Tuhan yang telah menciptakan untuk kamu api dari pokok yang hijau dan dari pokok itu kamu nyalakan api."(80)

Mu'jizat Kejadian Api

Dengan seimbas pandang sahaja sudah cukup untuk meyakinkan kebenaran kejadian yang indah ini, iaitu satu kejadian aneh yang dilalui mereka tanpa menyedarinya. Memang satu hal yang menakjubkan bahawa pokok yang hijau, yang basah berair itu apabila bergeser satu sama lain boleh mengeluarkan api, kemudian ia sendiri pula menjadi bahan api selepas basah dan menghijau. Ilmu sains yang menerangkan secara mendalam tentang haba yang disimpankan pokok yang hijau dari tenaga matahari yang disedut olehnya, sedangkan ia masih hijau dan basah berair dan haba itulah yang mencetuskan api ketika berlaku pergeseran sebagaimana ia mencetuskan api ketika berlaku kebakaran. Maklumat-maklumat ilmu sains ini membuat kejadian yang aneh itu bertambah jelas lagi. Allah Penciptalah yang telah melengkapkan ciri-ciri ini pada pokok dan melengkapkan setiap makhluk-Nya dengan ciri-ciri masing-masing kemudian Dia memberi petunjuk, tetapi kita sahaja yang tidak melihat kejadian-kejadian ini dengan mata yang terbuka dan tidak mengamatinya dengan hati yang sedar dan insaf, oleh kerana itu kejadian-kejadian itu tidak dapat mendedahkan kepada kita rahsia-rahsianya yang aneh dan tidak dapat menunjukkan Pencipta alam buana kepada kita. Andainya kita membuka mata hati kita meneliti kejadian-kejadian itu sudah tentu ia akan meluahkan segala rahsianya dan sudah tentu kita akan hidup bersamanya di dalam ibadat dan tasbih yang berterusan.

Kemudian Al-Qur'an membentangkan bukti-bukti kekuasaan Allah dan menerangkan secara mudah persoalan penciptaan alam dan persoalan mengulangi semula penciptaan seluruh manusia selepas mati.

"Tidakkah Tuhan yang telah berkuasa menjadikan langit dan bumi itu berkuasa pula untuk menjadikan kembali makhluk-makhluk seperti mereka. Sebenarnya Dia berkuasa berbuat demikian dan Dialah Tuhan Yang Maha Pencipta dan Maha Mengetahui."(81)

Angkasa Lepas Dengan Jutaan Matahari Dan Galaksi

Langit dan bumi merupakan kejadian-kejadian yang amat menakjubkan, amat besar dan amat halus dan rapi. Bumi menjadi tempat kita hidup, dan turut hidup bersama kita berjuta-juta jenis makhluk-makhluk yang lain. Kemudian saiz kita tidak sampai sebesar saiz bumi dan tidak pula sampai sebesar hakikatnya. Dan sehingga hari ini kita hanya tahu sedikit sahaja mengenainya. Bumi ini seluruhnya hanya satu pengikut kecil dari pengikut-pengikut matahari. Dan dengan cahaya dan kepanasan matahari inilah bumi kita hidup, sedangkan matahari kita hanya merupakan satu dari seratus juta matahari yang wujud dalam satu galaksi atau gugusan bintang yang diikut oleh matahari kita dan yang membentuk alam dunia kita yang dekat. Di alam buana ini terdapat berbagai-bagai galaksi yang lain, atau terdapat berbagai-bagai dunia seperti alam dunia kita yang dekat ini. Ahli-ahli ilmu bintang telah mengira bilangan galaksi-galaksi itu dan sehingga sekarang mereka dapat menghitungkan seratus juta galaksi dengan perantaraan penglihatan-penglihatan mereka yang terbatas dan mereka masih mengharapkan bilangan yang lebih banyak dari itu lagi setiap kali dapat dibesarkan teropong-teropong bintang. Jarak di antara galaksi kita dengan galaksi yang terdekat dengan kita ialah kira-kira tujuh ratus ribu lima puluh tahun cahaya (satu tahun perjalanan cahaya dianggar sebanyak dua puluh enam juta-juta atau trilion batu[1]) dan di sana pula terdapat tompok-tompok kabus atau nebula yang amat besar dan dari biji-biji kabus inilah terjadinya jutaan matahari-matahari itu. Inilah bahagian alam buana yang termasuk di dalam lingkungan ilmu pengetahuan kita yang kecil dan terbatas.

---

1 *Angka ini dipetik pengarang berdasarkan maklumat sains pada waktu itu. Menurut kiraan ilmu sains terkini, satu tahun perjalanan cahaya adalah sejauh 5.88 trilion batu. Wallahu a'lam. – Penterjemah.*

Itulah matahari-matahari yang tidak terhitung banyaknya. Setiap matahari mempunyai jalan peredarannya masing-masihg dan kebanyakannya mempunyai planet-planet pengikut yang beredar di sekelilingnya seperti bumi beredar di sekeliling matahari kita. Semuanya beredar dan berlari dengan tepat dan tetap, tidak pernah berhenti sesa'at pun dan tidak pernah kacau. Jika tidak, alam ini akan binasa dan bintang-bintang yang besar yang terapung-apung di angkasa itu akan berlanggaran satu sama lain.

Angkasa raya yang menjadi tempat terapung-apungnya jutaan bintang yang tidak terbilang itu adalah di luar keupayaan kita untuk menggambar dan memahaminya. Ia merupakan sesuatu yang memeningkan kepala manusia.

أَوَلَيْسَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يَخْلُقَ مِثْلَهُم ۚ

"Tidakkah Tuhan yang telah berkuasa menjadikan langit dan bumi itu berkuasa pula untuk menjadikan kembali makhluk-makhluk seperti mereka."(81)

Di manakah manusia dibandingkan dengan langit bumi yang besar dan amat menakjubkan itu?

بَلَىٰ وَهُوَ ٱلْخَلَّٰقُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٨١﴾

"Sebenarnya Dia berkuasa berbuat demikian dan Dialah Tuhan Yang Maha Pencipta dan Maha Mengetahui."(81)

Tetapi Allah S.W.T. menciptakan langit bumi, manusia dan lain-lain makhluk itu hanya dengan senang sahaja tanpa sesuatu keberatan dan kesukaran. Kepadanya tiada apa-apa perbezaan di antara menciptakan sesuatu yang besar dengan menciptakan sesuatu yang kecil:

"Sesungguhnya cara penciptaan Allah itu ialah apabila Dia mahu menjadikan sesuatu Dia hanya berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia terus jadi."(82)

Sama ada sesuatu itu langit atau bumi, lalat atau semut semuanya sama sahaja di hadapan kalimat "**kun**", dan semuanya akan terus muncul ke alam al-wujud.

Di sana tiada yang mudah dan tiada yang payah, tiada yang dekat dan tiada yang jauh. Sebaik sahaja wujudnya iradat Allah untuk menciptakan sesuatu sudah cukup untuk mewujudkannya biar pun apa sahaja sesuatu itu. Allah hanya mendekatkan gambaran urusan-urusan penciptaan itu kepada manusia supaya mereka dapat memahaminya dengan ukuran manusia yang terbatas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 83)

Sampai di sini tibalah nada pengumuman yang akhir dari surah ini, iaitu nada pengumuman yang menggambarkan hakikat hubungan di antara kewujudan alam buana dengan Allah Penciptanya:

"Maka Maha Sucilah Allah yang memegang kerajaan (yang mengendalikan) segala sesuatu dan seluruh kamu akan dipulangkan kepada-Nya."(83)

Kata-kata **"malakut"** atau **"kerajaan"** itu membesarkan lagi hakikat hubungan ini, iaitu hubungan milik mutlak Allah di atas segala sesuatu di alam buana ini dan hubungan kuasa mutlak Allah yang menguasai segala sesuatu yang dimilikinya, kemudian kepada Allah Yang Tunggal kembalinya dan berakhirnya seluruh makhluk.

Itulah nada pengumuman penamat yang amat sesuai dengan pengembaraan yang amat luas itu dan sesuai dengan suasana surah dan segala pembicaraannya mengenai hakikat yang agung ini yang merangkumi segala perinciannya.

* * * * * *